ڤليتا بروني

# Pelita BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

TAHUN 63 / BILANGAN 44 | 11 APRIL 2018 / 1439 رجب 24 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


ڤتيقن تيته

**PETIKAN TITAH**

"BETA suka mengingatkan, bahawa perbuatan menghina Nabi atau menghina ugama dalam apa pun bentuknya adalah tidak akan ada titik noktahnya selama mana ada matahari dan bulan. Tinggal sahaja, kita amat perlu waspada dan bijaksana menghadapinya. Kita umat Islam tidak usahlah hilang punca, tetapi yang penting, suburkan ilmu ugama di dada dan mintalah kepada Allah supaya Dia menetapkan iman, agar kita tidak terpedaya dengan agenda-agenda jahat oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungiawab."
- Titah Sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-7 Tahun 2012.

مانيسڽ ايمان

**MANISNYA IMAN**

"WAHAI orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepada kamu : lapangkanlah tempat duduk di majlis-majlis (untuk orang lain), maka lapangkanlah, nescaya Allah memberi kelapangan untuk kamu. Dan apabila dikatakan : berdirilah, hendaklah kau berdiri, nescaya Allah meninggikan orang-orang yang beriman antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama beberapa darjat. Dan Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan."
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Mujadilah, ayat 11.

*Waktu Sembahyang*

| IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4.47 | 4.57 | 6.15 | 6.38 | 12.23 | 3.29 | 6.28 | 7.37 |

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

# Tinjau kemudahan, perkembangan Daerah Belait



Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

**KUALA BELAIT,** Isnin, 9 April. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong mengadakan lawatan kerja ke beberapa kawasan dan jabatan di Daerah Belait.

Lawatan tersebut adalah bagi meninjau dan menyaksikan secara dekat mengenai perkembangan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan, selain dapat menjalin silaturahim di antara Ahli Majlis Perundingan Kampung dan pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Jabatan Daerah Belait dengan pimpinan di peringkat akar umbi.

Sehubungan itu, Yang Berhormat berserta rombongan memulakan lawatan ke Taman Riadah Jubli Emas Daerah Belait yang terletak di kawasan X-25, Jalan Maulana, yang dibina oleh persatuan-persatuan bukan kerajaan (NGOs), syarikat-syarikat swasta dan penduduk-penduduk Daerah Belait yang sama-sama berganding bahu untuk mencantikkan kawasan tersebut bersempena dengan Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta.

Ke muka 3

**MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong menyaksikan Pameran Satu Kampung Satu Produk (1K1P) yang ada di Mukim Liang.**

## Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah serentak Sempena Israk Mikraj

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 9 April. - Bersempena dengan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1439H / 2018M, Kementerian Hal Ehwal Ugama akan mengadakan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah secara serentak di keempat-empat daerah di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan tumpuan utama di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong pada Jumaat, 26 Rejab 1439H bersamaan 13 April 2018M mulai jam 4.30 pagi dan masjid-masjid tumpuan daerah-daerah iaitu bagi Daerah Brunei dan Muara bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Setia Ali, Pekan Muara dan Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong.

Bagi Daerah Belait, tumpuan utama di Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait. Manakala di Daerah Tutong, Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah akan diadakan Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, Kampung Sengkarai. Di Daerah Temburong, tumpuan utama ialah di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Antara pengisian acara Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah tersebut ialah Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, tazkirah bertajuk 'Sembahyang Berjemaah Meraih Berkat' dan Membaca Surah Al-Kahfi.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk sama-sama hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara bagi sama-sama menyemarakkan lagi Sambutan Israk dan Mikraj pada tahun ini.


IKUTI KAMI DI

APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn

infodept_bn




Muka 5

MENTERI di JPM terima kunjungan muhibah Pesuruhjaya Tinggi



Muka 6

PELAJAR didedahkan dengan pelbagai aspek literasi kewangan

# Pupuk kesiapsiagaan masyarakat menghadapi keadaan cuaca

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**ALHAMDULILLAH,** bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan taufik, hidayah dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat meraikan Majlis Sambutan Hari Kajicuaca Sedunia Tahun 2018 pada pagi ini.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan syabas kepada Jabatan Kajicuaca Negara Brunei Darussalam atas inisiatif mengadakan Sambutan Hari Kajicuaca Sedunia pada tahun ini. Dengan tema 'Weather - Ready, Climate-Smart' atau 'Siap Siaga, Cuaca Bijak Iklim', inisiatif ini menggambarkan antara usaha berterusan Jabatan Kajicuaca untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman awam mengenai peranan kaji cuaca dalam kehidupan harian kita.

Saya juga ingin mendahului ucapan ini dengan memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana Negara Brunei Darussalam, Alhamdulillah, dilindungi daripada kejadian bencana alam berimpak tinggi yang kita lihat berlaku di beberapa buah negara, baik di rantau yang terdekat mahupun yang jauh.

Walaupun sedemikian, saya melihat adalah penting Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam untuk sentiasa bersiap siaga proaktif dalam menyediakan maklumat ramalan cuaca harian mahupun ramalan iklim jangka panjang dan seterusnya menyampaikannya kepada agensi-agensi berwajib serta pengguna.

Peranan dan khidmat sebeginilah yang dapat memupuk kesiapsiagaan masyarakat dalam menghadapi keadaan cuaca. Seterusnya para pengguna akan dapat mengambil langkah bijak dalam menghadapi dan menangani sebarang risiko berkaitan dengan cuaca, iklim dan air.

Dalam hal ini, saya difahamkan bahawa Jabatan Kajicuaca telah dan sedang mempertingkatkan lagi keupayaannya dalam membuat pencerapan cuaca dan pelaksanaan sistem amaran cuaca awal atau *early warning systems*. Langkah ini adalah sangat bertepatan dengan hala tuju dan tumpuan Kementerian Perhubungan iaitu memperkemaskan pelaksanaan dasar yang menyumbang kepada keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Bagi mendukung tumpuan ini, Jabatan Kajicuaca telah pun diperuntukkan di bawah Kemajuan Negara untuk melaksanakan projek bagi penggantian Sistem Pencerapan Cuaca di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB), iaitu projek (Airport Automatic Weather Observation System - AWOS). Sistem ini adalah untuk kegunaan operasi dan keselamatan penerbangan di LTAB. Saya percaya dengan pelaksanaan projek ini nanti, insyaaAllah akan meningkatkan aspek keselamatan penerbangan awam di negara ini. Selaras dengan piawaian yang ditetapkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof semasa berucap pada Majlis Sambutan Hari Kajicuaca Sedunia 2018 pada Sabtu, 6 Rejab 1439 Hijrah bersamaan 24 Mac 2018 Masihi di Dewan Amar Pahlawan, Kementerian Perhubungan.

Memang diakui bahawa maklumat kaji cuaca yang tepat dan disampaikan secara meluas akan mendukung aktiviti di pelbagai sektor ekonomi. Apa yang lebih penting lagi, ia menjurus kepada keselamatan dan kesejahteraan masyarakat.

Untuk memupuk dan membudayakan *mindset* bijak iklim atau *weather-smart* memerlukan sokongan padu pelbagai pihak dan lapisan masyarakat. Dalam hal ini, sebagai pengguna secara amnya, kita perlu peka kepada perubahan cuaca dan seterusnya dapat memanfaatkan maklumat cuaca untuk keselamatan dan kesejahteraan bersama.

Di sini saya ingin menekankan bahawa adalah penting untuk kita mendapatkan maklumat cuaca dari sumber-sumber yang sahih dan diperakui, iaitu daripada Jabatan Kajicuaca Negara Brunei Darussalam. Dalam hal ini, Jabatan Kajicuaca aktif memberikan maklumat cuaca dengan mengeluarkan lebih daripada 360,000 ramalan cuaca awam dan 23,000 ramalan cuaca penerbangan dalam setahun. Manakala pada tahun 2017, sejumlah 338 amaran cuaca berkod warna telah dikeluarkan oleh Pusat Ramalan Cuaca.

Saya juga difahamkan bahawa sepanjang tahun 2017, Jabatan Kajicuaca memberi maklum balas ke atas lima maklumat kaji cuaca yang bukan rasmi dan tidak berasas seperti ditularkan di media sosial.

Dengan adanya jumlah penggunaan media sosial yang tinggi di negara ini, langkah Jabatan Kajicuaca dalam pembarigaan maklumat cuaca yang rasmi dan sahih melalui media sosial adalah sangat dialu-alukan sebagai satu kaedah penyampaian maklumat yang berkesan.

Saya berharap Jabatan Kajicuaca akan terus mempelbagaikan usaha untuk meningkatkan kepekaan orang ramai terhadap apa jua khidmat dan produk kaji cuaca yang dihasilkan.

Saya juga turut mengalu-alukan sokongan padu dan kerjsama daripada pelbagai pihak khususnya para sukarelawan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, pihak peramal cuaca dan pengagihan amaran, pihak media dan agensi-agensi menangani bencana. Sekali gus dengan harapan kerjasama ini akan dapat membentuk sistem amaran awal yang lebih mantap, berkesan, cekap dan menyeluruh.

Saya dimaklumkan majlis pagi ini akan diselajurkan jua dengan pelancaran 'National Weather Briefing' seperti yang disebutkan oleh Pengerusi Majlis tadi, yang antara lainnya bertujuan untuk memberikan satu wadah bagi interaksi antara Jabatan Kajicuaca dan para pengguna.

Saya percaya bahawa pengenalan National Weather Briefing ini akan menjurus ke arah sistem amaran awal yang mudah difahami dan lebih memudah cara pihak-pihak berkepentingan seperti petani, nelayan dan lain-lain pengamal bidang profesional, dengan keperluan kaji cuaca mereka.

Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam di atas pelancaran National Weather Briefing pada hari ini. Saya seterusnya berharap agar Jabatan Kajicuaca Brunei darussalam akan maju jaya dan terus berinovasi dalam memberikan perkhidmatan kaji cuaca kepada pengguna dan masyarakat.

Terima kasih juga kepada semua ahli jawatankuasa kerja atas usaha biskita semua majlis dan aktiviti bagi Sambutan Hari Kajicuaca Sedunia pada tahun ini.

Sekian, *Wabillahit Taufiq Walhidah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## Dari Sidang Pengarang.

11 APRIL 2018 BERSAMAAN 1439 رجب 24

### IKHLAS, REDA DENGAN KETENTUAN ILAHI

**ALLAH** Subhanahu Wata'ala Maha Mengetahui apa yang terbaik untuk hamba-hamba-Nya. Oleh itu, segala nikmat dan ujian, sama ada suka ataupun duka, susah ataupun senang, cepat ataupun lambat, semua itu mempunyai hikmah tersendiri yang mesti disyukuri dan diredai serta diterima dengan hati yang penuh ikhlas.

Dalam mencapai sesuatu hajat atau cita-cita, kita pastinya perlu berusaha dan berikhtiar. Agama kita juga menganjurkan kita untuk sentiasa berdoa dan bertawakal atau berserah diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Janganlah berkata sesuatu yang mempamerkan rasa tidak puas hati dan tidak reda seandainya hasil yang diterima tidaklah seperti yang dimahui, iaitu dalam erti kata lain hajat di hati belum tercapai dan dikabulkan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "*Sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu ia berkata : Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Jikalau engkau terkena oleh sesuatu musibah, maka janganlah engkau berkata : Andai kata saya mengerjakan begini, tentu akan menjadi begini dan begitu. Tetapi berkatalah : Ini adalah takdir daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan apa sahaja yang dikehendaki oleh-Nya tentu dia melaksanakannya, sebab sesungguhnya ucapan andai kata itu membuka pintu godaan syaitan.*"

Sesungguhnya jika kita reda terhadap qada dan qadar yang telah ditentukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala, maka kita juga memperoleh keredaan Allah Subhanahu Wata'ala, akan tetapi jika kita marah dan tidak menerima akan ketentuan Allah, maka ia akan mengundang kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Rasulullah Sallalahu Alaihi Wasallam bersabda, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi daripada An-Nas Radiallahuanhu ia berkata : "*Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Bila Allah cinta kepada suatu kaum, mereka diuji. Barang siapa reda menerima ujian itu, Allah reda pula kepadanya. Dan barang siapa yang marah (tidak reda), maka Allah pun murka kepadanya.*"

Bersihkan jiwa dan betulkan niat kita dengan sentiasa reda dalam apa jua keadaan yang Allah Subhanahu Wata'ala tentukan. Janganlah kita terlalu risau tentang dunia, kerana itu adalah urusan Allah, janganlah kita risau tentang rezeki, kerana rezeki itu adalah daripada Allah, janganlah kita risau tentang masa depan, kerana masa depan itu adalah ketetapan Allah, akan tetapi apa yang mesti kita risaukan adalah mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Jadilah hamba-hamba Allah Subhanahu Wata'ala yang benar-benar beriman dan bertakwa, patuh dan tunduk kepada segala perintah dan larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan yang demikian kita sentiasa mendapat ketenangan jiwa dan keredaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Berikut antara inti pati Khutbah Jumaat, 6 April 2018 yang dapat diambil sebagai pedoman kita jua bersama.

Usaha tangga kejayaan, mohon agar doa dimakbulkan, jika sebaliknya maka redalah dengan ketentuan, Allah Maha Mengetahui demi kebaikan, terimalah dengan penuh keikhlasan.

Mencapai sesuatu hajat perlu usaha dan ikhtiar, sertakan dengan doa juga tawakal harap didengar, rasa tidak puas hati dan tidak rela jangan dipamer, kerana itu adalah takdir.

Ikhlas dan reda dengan ketentuan Ilahi, kerana Allah Maha Mengetahui, apa yang terbaik bagi diri, bersihkan jiwa betulkan jiwa kerana semua adalah qada serta qadar darpada Ilahi Yang Maha Mengasihi. **- Ketua Penyuntingan (Nb).**




## WAKTU SEMBAHYANG

*firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:*
*"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."*

| Masihi APRIL | HARI | Hijrah REJAB | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 11 | RABU | 24 | 4.47 | 4.57 | 6.15 | 6.38 | 12.23 | 3.29 | 6.28 | 7.37 |
| 12 | KHAMIS | 25 | 4.47 | 4.57 | 6.15 | 6.37 | 12.22 | 3.29 | 6.28 | 7.37 |
| 13 | JUMAAT | 26 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.37 | 12.22 | 3.30 | 6.27 | 7.37 |
| 14 | SABTU | 27 | 4.46 | 4.56 | 6.14 | 6.37 | 12.22 | 3.30 | 6.27 | 7.37 |
| 15 | AHAD | 28 | 4.45 | 4.55 | 6.14 | 6.36 | 12.21 | 3.30 | 6.27 | 7.37 |
| 16 | ISNIN | 29 | 4.45 | 4.55 | 6.13 | 6.36 | 12.21 | 3.31 | 6.27 | 7.37 |
| 17 | SELASA | 1 SYAABAN | 4.44 | 4.54 | 6.13 | 6.36 | 12.21 | 3.31 | 6.27 | 7.37 |

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

**TALIAN KECEMASAN**
AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998 | (Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN PENGANGKUTAN DARAT. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam 123 | NDMC 2380214

# Tinjau kemudahan, perkembangan Daerah Belait





MENTERI Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong mengadakan lawatan ke Balai Bomba Seria (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berserta rombongan seterusnya meninjau kawasan Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh.

Dari muka 1

Kehadiran Yang Berhormat Menteri dialu-alukan oleh Shaikh Khalid bin Shaikh Haji Ahmad, selaku wakil peserta-peserta yang membangunkan kawasan tersebut.

Dari Taman Riadah Jubli Emas Daerah Belait, rombongan meneruskan lawatan ke Pusat Aktiviti Majlis Perundingan Kampung Mumong. Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung melalui biro wanitanya ada menghasilkan beberapa produk seperti Sos Cili, Jus Rosella, Kuih Bahulu dan Kek Marble. MPK Mumong juga aktif mengikuti jualan, sama ada di dalam dan luar negara.

Selepas dari Pusat Aktiviti MPK Mumong, rombongan meneruskan lawatan dengan meninjau kawasan Pos Kawalan Imigresen Sungai Tujoh. Yang Berhormat Menteri diberikan taklimat ringkas di pos kawalan tersebut dan kemudian meninjau secara lebih dekat lagi pos kawalan beroperasi.

Lawatan diteruskan lagi pada sebelah petang ke Balai Bomba Seria. Di balai bomba berkenaan, rombongan diberikan taklimat mengenai dengan persediaan menghadapi kebakaran hutan gambut.

Yang Berhormat Menteri juga berkesempatan menyaksikan secara lebih dekat lagi jentera-jentera dan keperluan-keperluan yang diperlukan semasa adanya kebakaran hutan khususnya hutan gambut.

Lawatan diakhiri di Balai Raya Lumut I dengan Yang Berhormat Menteri menyaksikan Satu Kampung Satu Produk (1K1P) yang ada di Mukim Liang.

Sebanyak tiga buah kampung bernaung di bawah Mukim Liang, iaitu Kampung Lumut I, Kampung Lumut II dan Kampung Sungai Liang. Ketiga-tiga buah kampung ini aktif mengusahakan 1K1P mereka seperti Kuih Sapit, Tart Nenas, Lua Buah juga produk-produk kraf tangan.

Dengan adanya lawatan kerja seperti itu dihasratkan akan memberi peluang kepada Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung serta Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung berinteraksi serta bertukar-tukar fikiran dengan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berserta rombongan mengenai pembangunan dan kesejahteraan penduduk di Daerah Belait. Lawatan kerja ini juga diharapkan akan dapat mencetus semangat

**Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed**

Program 1K1P dengan kerjasama dan sokongan padu daripada penduduk kampung.

Dalam pada itu juga, infrastruktur kemudahan awam seperti taman riadah dan balai raya yang disediakan adalah diharapkan supaya penduduk-penduduk kampung dapat menggunakannya bagi memudahkan lagi mengadakan aktiviti-aktiviti, sama ada berbentuk kemasyarakatan, sosial, sukan dan sebagainya supaya akan dapat lagi meningkatkan perpaduan, persefahaman, keharmonian juga kemakmuran penduduk mukim dan kampung.

Hadir sama dalam rombongan ialah Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin dan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd Siput; Pemangku Setiausaha Tetap, KHEDN, Awang Ajman bin Haji Meludin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, KHEDN, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Mohd. Hussain; Pemangku Pegawai Daerah Belait serta ketua-ketua jabatan yang berkepentingan di Daerah Belait, pegawai-pegawai kanan KHEDN, pegawai-pegawai dari Jabatan Daerah Belait serta pegawai-pegawai jabatan kerajaan yang berkepentingan di Daerah Belait.

# Lebih 3,000 jemaah hadiri ceramah khas berkaitan Israk dan Mikraj

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi**



PENCERAMAH undangan, Abdul Somad Batubara dari Republik Indonesia semasa menyampaikan ceramah khas di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 9 April. - Hati seseorang yang bersih itu akan didatangi cahaya kurniaan Allah Subhanahu Wata'ala dan justeru itu dapat dibezakan mana yang bathil dan betul.

Pembersihan hati itu hendaklah diisi dengan zikir serta perkara-perkara yang berkebajikan.

Tidak masuk syurga seandainya hati seseorang itu ada sifat hasad dengki walaupun besarnya sebiji sawi.

Perkara tersebut antara yang terkandung dalam ceramah khas penceramah undangan dari Republik Indonesia, Abdul Somad Batubara yang berlangsung di Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar.

Abdul Somad dalam ceramahnya menerangkan berkaitan Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan juga sejarah perjalanan peristiwa berkenaan.

Selain itu, Abdul Somad juga menyatakan sejarah itu yang berlaku semasa perjalanan Nabi Muhammad menaiki Buraq dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa itu kerana mesej yang dapat kita ambil iaitu perjalanan manusia dan perjalanan Allah.

Tambahnya, perjalanan manusia dan perjalanan Allah itu mengingatkan kita untuk memperbaiki dalam mengeratkan lagi ikatan ukhwah sesama manusia dan begitu juga hubungan kita dengan Allah Ta'ala.

Tegasnya, puncak Israk Mikraj salah dengan menjaga solat (sembahyang).

Hadir sama-sama mendengarkan ceramah tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong yang juga selaku Penaung Takmir MRSB; Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Lebih 3,000 jemaah hadir mengimarahkan masjid dengan sama-sama menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak berjemaah terdahulu sebelum ceramah dimulakan.

Rombongan dari Daerah Tutong, Belait serta mereka dari Daerah Temburong juga sama-sama hadir memeriahkan ceramah tersebut.

# Brunei - Malaysia bincang isu bidang media, undang-undang dan perekonomian



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud menerima kunjungan muhibah daripada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 10 April. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud menerima kunjungan muhibah daripada Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Ghulam Jelani bin Khanizaman.

Semasa kunjungan muhibah tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM dan TYT Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke negara ini berbincang mengenai isu-isu semasa termasuk dalam bidang media, undang-undang dan perekonomian.

Negara Brunei Darussalam dan Malaysia telah menubuhkan hubungan dua hala sejak tahun 1984.

Hadir sama semasa kunjungan muhibah yang berlangsung di Pejabat Menteri di JPM berkenaan ialah Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Datin Dayang Hajah Elinda binti Haji C.A. Mohammad dan Setiausaha Tetap (Media dan Kabinet) di JPM, Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

# Mufti Kerajaan terima kunjungan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned menerima kunjungan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashil bin Rashid Al-Maskari.

Siaran Akhbar dan Foto :
Jabatan Mufti Kerajaan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 April. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned telah menerima kunjungan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Sheikh Ahmed bin Hashil bin Rashid Al-Maskari.

Kunjungan tersebut berlangsung di pejabat Yang Berhormat Pehin di DarulIfta Brunei Darussalam, Jabatan Mufti Kerajaan.

Menyertai TYT pada kunjungan tersebut ialah Minister Plenipotentiary/Deputy Head Of Mission Of Embassy Of The Sultanate Of Oman, Mr. Mahmood Khamis Mohamed Al-Hinai.

Kunjungan tersebut adalah bagi penyerahan 50 buah judul kitab ke Perpustakaan Islam Brunei Darussalam (PIB) di Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri. Kitab-kitab tersebut merupakan hadiah daripada kerajaan Kesultanan Oman.

# IBTE tandatangani MOU bersama tiga syarikat telekomunikasi




PEMANGKU Timbalan Pesuruhjaya Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Haji Shariful Bahari bin Haji Sawas (tengah) menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) bagi HNTEC Apprenticeship Program Skim Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat antara Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan salah sebuah syarikat telekomunikasi.

Oleh : Hajah Siti Zuraihah
Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

**BERAKAS,** Selasa, 10 April. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) bagi HNTEC Apprenticeship Program Skim Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat dengan tiga syarikat telekomunikasi, yang akan memberi peluang bagi pelajar memperolehi pengalaman industri yang berkaitan dan latihan untuk menjadikan mereka lebih berkemampuan apabila menamatkan program nanti.

Seramai 14 pelajar berdaftar di bawah program tersebut dengan tiga syarikat dari industri telekomunikasi, iaitu DST Communications Sdn. Bhd., Progresif Cellular Sdn. Bhd. dan Telekom Brunei Berhad.

Program perantisan ini mempunyai peluang untuk memaksimumkan pengalaman pembelajaran dan mengaplikasikan teori untuk berlatih dalam persekitaran kerja sebenar kerana Skim Perantisan menggabungkan latihan berasaskan institusi dengan latihan *on-the-job* yang mana membolehkan pelajar memahami aspek praktikal dan teori kerja.

Majlis penandatanganan yang berlangsung di Teater Kuliah, Sekolah Penerbangan (School of Aviation) IBTE, Kampus Sultan Saiful Rijal, disaksikan oleh Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Haji Shariful Bahari bin Haji Sawas selaku tetamu kehormat majlis.

Menandatangani bagi pihak IBTE ialah Pemangku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Korporat), IBTE, Puan Munirah Atirah binti Dato Paduka Haji Othman.

Pada penandatanganan tersebut, DST Communications Sdn. Bhd., diwakili oleh Penolong Pengurus Am, DST Group Human Resources, Ramlah binti Haji Rabaha, manakala Progresif Cellular Sdn. Bhd., ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Paul Treston Taylor dan Telekom Brunei Berhad pula diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif, David J. Holliday.

Terdahulu dalam ucapan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkembangan), Lim Kian Boon yang juga selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif IBTE menjelaskan, sejak dimulakan pada Mei 2014, seramai 46 perantis telah mengikuti Program Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat.

Beliau percaya, melalui skim perantisan ini akan dapat memupuk kerjasama jangka panjang dengan industri berkenaan bagi membantu melatih dan meningkatkan keperluan juruteknik yang berkemahiran untuk mengisi jurang dalam sektor telekomunikasi.

# Menteri di JPM terima kunjungan muhibah Pesuruhjaya Tinggi Kanada



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hamzah Mohidin

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 April. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud petang tadi menerima kunjungan muhibah daripada Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caterina Ventura.

Semasa kunjungan muhibah tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM dan PYT Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke negara ini berbincang mengenai kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk keselamatan, teknologi, perekonomian dan pendidikan.

Negara Brunei Darussalam dan Kanada telah menubuhkan hubungan dua hala sejak tahun 1984.

Hadir sama pada kunjungan tersebut ialah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri dan Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Leftenan Kolonel (B) Pengiran Haji Muhammad Sazali bin Pengiran Haji Yakob.

Perjumpaan tersebut berlangsung di Pejabat Menteri di JPM, Bangunan JPM.

**MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Paduka Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (kiri) semasa menerima kunjungan muhibah daripada Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Caterina Ventura (kanan) berlangsung di Pejabat Menteri di JPM, Bangunan JPM.**

## Mesyuarat ERC sahkan Modul Pendidikan Islam Politeknik Brunei



**PEMANGKU Pengarah Politeknik Brunei, Awang Alias bin Haji Abu Bakar (duduk, tengah) bergambar ramai bersama ahli-ahli komiti yang dilantik bagi External Review Committee (ERC) iaitu Modul Pendidikan Islam GS1102 dan GS1103 kali pertama bagi tahun 2018.**

Siaran Akhbar dan Foto :
Politeknik Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 April. - Politeknik Brunei telah mengadakan Mesyuarat External Review Committee (ERC) pada 3 April lalu sebagai pengesahan kandungan Modul Pendidikan Islam GS1102 dan GS1103 kali pertama bagi tahun 2018.

Ahli komiti yang dilantik adalah terdiri daripada pakar dan pegawai dari institusi dan jabatan-jabatan seperti Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Mahkamah-Mahkamah Syariah; Unit Perundangan Islam; Pusat Da'wah Islamiah; Jabatan Pengajian Am; Bahagian Penguatkuasa Agama dan Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pengarah Politeknik Brunei, Awang Alias bin Haji Abu Bakar.

Sementara Ketua Jabatan Pengajian Am, Dr.Rahmawati binti Haji Bolhassan telah mengalu-alukan kehadiran ahli ERC.

Ketua Modul Pendidikan Islam, Pg. Dr. Hajah Norkhairiah binti Pg. Haji Hashim selaku pengerusi mesyuarat ERC dalam taklimatnya mengenai pelaksanaan modul pendidikan Islam di Politeknik Brunei berkata bahawa keperluan Politeknik Brunei kepada pengesahan kandungan modul pendidikan Islam adalah bertujuan untuk menilai isi kandungan sama ada memenuhi keperluan pelajar serta matlamat dan objektif modul, di samping meneliti tahap pengetahuan dan kompetensi yang diperlukan.

ERC yang dilantik juga menurut beliau merupakan penasihat dalam memberikan cadangan penambahbaikan kepada kandungan modul serta memberikan maklumat secara konstruktif dan arah yang lebih terperinci mengenai kesesuaian kandungan modul. Selain itu, pengesahan daripada pihak ERC juga merupakan satu jaminan bahawa kandungan modul tersebut mempunyai kualiti dan juga kepentingan kepada pelajar.

Pada akhir mesyuarat tersebut, beberapa ahli ERC telah menandatangani pengesahan kepada topik-topik yang terdapat dalam modul Pendidikan Islam GS1102 dan GS 1103.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada ahli-ahli ERC yang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Politeknik Brunei. Doa selamat pula dibacakan oleh Haji Mohammad Jaafar bin Haji Johari selaku Penolong Ketua Jabatan Pengajian Am.

## Penutupan Kaunter Pembayaran dan Pembelian Token Meter Prabayar

Makluman :
Jabatan Perkhidmatan Elektrik

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 April. - Jabatan Perkhidmatan Elektrik memaklumkan orang ramai bahawa penutupan Kaunter Pembayaran dan Kaunter Pembelian Token Meter Prabayar akan ditutup pada Sabtu ini, 14 April 2018 bersempena cuti awam Isra Mi'raj.

Pembelian Token Meter Prabayar boleh dibuat melalui Cash Deposit Machine (CDM) di Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Lapangan Terbang Lama Berakas dan Cawangan Elektrik Seria, dan juga boleh melalui POWERkad dan Online Banking.

Kaunter akan beroperasi semula seperti biasa pada Isnin, 16 April 2018.

# 25 anggota JBP sertai Kursus CBRN




**DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Christian Ramage (depan, tengah) bergambar ramai bersama anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) yang menyertai Kursus 'Training Course for Team Leaders at CBRN Incident Sites' berlangsung di Pusat Latihan Bomba, Lambak Kanan, Berakas.**

**Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 9 April. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) sentiasa berusaha untuk memperbaiki prosedur tindakan bersepadu kalangan petindak kecemasan tempatan serta memberi nilai tambah dan menaikkan mutu perkhidmatan kepada orang awam jika terjadinya sebarang kecemasan.

Sehubungan itu, seramai 25 anggota JBP menyertai Kursus 'Training Course for Team Leaders at CBRN Incident Sites' yang berlangsung di Pusat Latihan Bomba, Lambak Kanan, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Perancis ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Teruatama Christian Ramage.

Juga hadir ialah Timbalan Pengarah Bomba dan Penyelamat, Lim Hock Guan; penolong-penolong pengarah, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, anggota serta kakitangan JBP dan jemputan dari Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB), ABDB dan EMAS.

Projek berkenaan dilaksanakan melalui projek pelaksanaan pihak Jabatan Perdana Menteri dengan mendatangkan dua pakar pengajar dari Eropah.

Objektif kursus untuk meningkatkan pengetahuan mengenai prosedur tindak balas CBRN, penggunaan *detection, identification and monitoring equipment* dan *decontimination procedures* bagi agensi-agensi *first responders* menggunakan piawaian di antarabangsa dan ia juga melibatkan agensi-agensi *first responder* seperti PDB, ABDB dan Kementerian Kesihatan.

Kursus tersebut antara lain bertujuan untuk meningkatkan kapasiti dan keupayaan dalam menangani insiden CBRN secara praktikal termasuk penggunaan peralatan-peralatan CBRN bagi petindak pertama *first responder*.

Ia juga memberikan pendedahan kepada anggota dari segi pengongsian pengetahuan, pengenalan peralatan terkini dan kaedah mitigasi serta respon dalam menangani insiden yang melibatkan CBRN, selain meningkatkan lagi kepakaran bidang hazmat bagi menghadapi apa-apa jua insiden yang berkaitan.

JBP telah pun terlibat di dalam 'CBRN EU project 46' sejak 5 tahun lalu, iaitu sebanyak tujuh kali, yang mana *focal* jabatan yang dilantik untuk mengkordinasi program-program yang diadakan oleh Jabatan Perdana Menteri, berbentuk bengkel dan perbincangan profesional dalam kalangan pakar konsult dalam bidang CBRN dari Eropah.



# Kolaborasi rangkaian kerjasama APMS 2020 terus diperkukuh






PEMANGKU Pengarah, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Martinah binti Haji Tamit mempengerusikan Mesyuarat The Third Meeting of ASEAN Task Force on Peatlands (3rd ATFP) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (kiri). Sementara gambar kanan, antara delegasi Negara Brunei Darussalam yang hadir pada mesyuarat tersebut.

**Berita dan Foto :**
**Haji Ariffin Mohamad Noor / Morshidi**

**BERAKAS,** Selasa, 10 April. - Mesyuarat The Third Meeting of ASEAN Task Force on Peatlands (3rd ATFP) yang berlangsung selama dua hari bermula pada hari ini, memberikan laluan untuk para delegasi berbincang dan mengemaskini laporan terkini daripada negara-negara ahli serta inisiatif serantau bagi menyokong ASEAN Programme on Sustainable Management of Peatland Ecosystems (APSMPE).

Pada tahun ini Negara Brunei Darussalam merupakan tuan rumah bagi Mesyuarat 3rd ATFP yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pemangku Pengarah, Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Dayang Martinah binti Haji Tamit dibantu oleh Director Environment Conservation Department, Myanmar, Dr. San Oo selaku Vice Chairperson.

Selain delegasi dari negara-negara anggota ASEAN, mesyuarat turut dihadiri oleh perwakilan daripada Global Environment Centre (GEC), European Union (EU), International Fund for Agricultural Development (IFAD), Deutsche Gesellschaft für Internationale Zusammenarbeit GmbH (GIZ) and The International Union for Conservation of Nature (IUCN).

Para delegasi juga akan berpeluang mendengarkan penerangan di Tropical Biodiversity Centre, Sungai Liang dan melawat ke Peatswamp Forest di Jalan Badas, Seria bagi meninjau usaha-usaha yang telah dijalankan pada hari kedua mereka berada di negara ini.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluan dari Dayang Martinah selaku Pengerusi mesyuarat, turut berharap sepanjang mesyuarat tersebut para delegasi akan dapat berkongsi pengetahuan dan pengalaman dalam meneroka peluang-peluang bagi aktiviti kolaborasi yang baharu.

Mesyuarat tersebut bakal menilai implementasi APMS dan mengemaskini peta jalan ASEAN Cooperative towards Transboundary Haze Pollution Control.

Mesyuarat Task Force ini merupakan landasan untuk negara anggota ASEAN berbincang dan mengukuhkan lagi kolaborasi dan rangkaian kerjasama ke arah pelaksanaan pelan strategi ASEAN Peatland Management Strategy (APMS) menjelang tahun 2020.

# Pelajar didedahkan dengan pelbagai aspek literasi kewangan



INSURANS Islam TAIB Holdings (IITH) Sendirian Berhad semasa mengendalikan Kempen Kesedaran Literasi Kewangan kepada seramai 25 murid dari Sekolah Rendah Rimba I, Sekolah Rendah Serasa dan Sekolah Rendah Sultan Umar Ali Saifuddin (SUAS) Muara diadakan di Sekolah Rendah Rimba I.

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**RIMBA**, Selasa, 10 April. - Seramai 25 murid dari Sekolah Rendah Rimba I, Sekolah Rendah Serasa dan Sekolah Rendah Sultan Umar Ali Saifuddin (SUAS) Muara menyertai Kempen Kesedaran Literasi Kewangan yang berlangsung di Sekolah Rendah Rimba I, di sini.

Kempen anjuran Jabatan Sekolah-sekolah sempena Bulan Literasi Kewangan Kebangsaan sepanjang bulan April ini dikendalikan oleh Insurans Islam TAIB Holdings (IITH) Sendirian Berhad.

Acara diisikan dengan beberapa aktiviti permainan yang dapat membantu murid-murid mempelajari pelbagai aspek literasi kewangan dan insuran Takaful.

Dengan tema *Let's Play Shop!*, aktiviti tersebut membolehkan murid-murid untuk memilih barang-barang yang mereka perlukan, mengira barang-barang yang dibeli dan usaha-usaha yang diperlukan agar mereka dapat membeli barangan tersebut sambil memikirkan literasi kewangan mereka.

Selain itu, mereka juga diberikan situasi yang tidak jangka bagi memberikan mereka pengalaman tentang bagaimana insuran Takaful dapat membantu mereka.

Melalui aktiviti tersebut, ia secara tidak langsung dapat memberikan kesedaran kepada murid-murid tentang kepentingan cara wang diperoleh dan penggunaannya, bagaimana menabung dapat membantu mereka untuk mencapai matlamat mereka dan bagaimana insuran Takaful dapat membantu semasa kejadian-kejadian yang tidak dijangka.

IITH menyediakan permainan dan aktiviti perancangan kewangan untuk menekankan perbezaan perbelanjaan antara keperluan dan kehendak serta pengurusan kewangan yang bijak, dan pada masa yang sama menggariskan kepentingan belanjawan.

Kempen Kesedaran Literasi Kewangan menggalakkan individu di seluruh Negara Brunei Darussalam untuk meluangkan masa berfikir dan membincangkan perkara-perkara mengenai wang mereka sendiri dan memanfaatkan sepenuhnya sumber yang diperolehi untuk meningkatkan literasi dan kesejahteraan kewangan mereka.

Objektif kempen tersebut adalah untuk mendokong Wawasan Brunei 2035 iaitu mempunyai rakyat yang mahir dan berpengetahuan, meningkatkan kualiti hidup rakyat serta pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan.

Bulan Literasi Kewangan Kebangsaan memberikan kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan literasi kewangan dan keperluan untuk pendidikan kewangan.

Penyertaan IITH pada acara tersebut merupakan aktiviti dan usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) bagi meningkatkan kesedaran literasi kewangan di Negara Brunei Darussalam dan ianya terbukti dengan kekerapan dalam memberikan ceramah-ceramah perancangan kewangan bagi murid-murid dan kakitangan di pelbagai institusi.

# UNISSA terima kunjungan UWGM, Republik Indonesia



TIMBALAN Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad (lapan, kanan) mengalu-alukan rombongan pelawat dari Universitas Widya Gama Mahakam, Samarinda, Republik Indonesia yang diketuai oleh Rektor universiti berkenaan, Dr. H Abdul Rachim AF.

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 9 April. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus menerus menjadi sasaran institusi pengajian tinggi luar negara dalam usaha untuk menjalinkan kerjasama dalam bidang akademik dan penyelidikan. Perkara ini terbukti dengan adanya kunjungan silaturahim daripada delegasi Universitas Widya Gama Mahakam (UWGM) Samarinda, Republik Indonesia.

Mengalu-alukan ketibaan rombongan ialah Timbalan Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Haji Ahmad.

Delegasi UWGM seramai tujuh orang itu diketuai oleh Rektor universiti berkenaan, Dr. H Abdul Rachim AF.

Timbalan Rektor UNISSA dalam ucapan alu-aluannya merakamkan rasa terima kasih atas kunjungan tersebut dan berharap kunjungan tersebut adalah sebagai langkah awal untuk pelaksanaan jaringan kerjasama strategik dalam bidang ilmiah dan penyelidikan.

Delegasi UWGM dalam ucapan hormat mengucapkan terima kasih kepada pihak UNISSA atas kesudian dalam memberikan sokongan untuk bekerjasama dalam mengembangkan lagi bidang akademik khususnya dalam program pertukaran pelajar dan tenaga akademik.

Hadir sama dalam perjumpaan tersebut ialah penolong rektor dan pegawai-pegawai utama UNISSA.

# Program Mudahnya Sembahyang, 15 April

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 April. - Bagi menyemarakkan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagi Tahun 1439 Hijrah / 2018 Masihi, acara-acara iringan terus diadakan khususnya bagi menarik orang dalam sama-sama meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan melaksanakan sembahyang dengan betul dan sempurna dengan menganjurkan Program Mudahnya Sembahyang sempena Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara bagiTahun 1439H / 2018M yang akan diadakan pada Ahad, 15 April, di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, sejurus selesai Program Masjidku Makmur Negara Berkat, iaitu bermula jam 7.00 pagi.

Pelbagai aktiviti dapat disaksikan dan disertai oleh orang ramai, antaranya ialah Klinik Taharah, Klinik Al-Fatihah, Klinik Sembahyang, Kaedah Sembahyang Berjemaah, Feqh Wanita mengenai Sembahyang dan Tabung Dana Masjid, Sembahyang bagi Orang Sakit dan Orang Kelainan Upaya, Sembahyang bagi Orang Musafir, Makanan Halal dan Kaunselling Keluarga, Pembarigaan Kanan Hukum Jenayah Syar'iah, Zakat, Wakaf, dan Fidyah serta soalan kuiz.

Orang ramai juga dapat menyaksikan pameran, jualan bazar dan aktiviti sukan seperti eksplorasi solat.

Oleh itu, orang ramai adalah dialu-alukan untuk hadir ke program tersebut pada Ahad, 15 April, sejurus selesai Program Masjidku Makmur Negara Berkat, iaitu bermula jam 7.00 pagi, bertempat di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.

# JBP Cawangan Operasi 'B' terus pantau keadaan kemarau




PENGUASA Kanan Balai Bomba dan Penyelamat, Awang Muhd. Shahreeni bin Haji Mohd. Yussof.

**Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed**

**SERIA**, Isnin, 9 April - Sebagai persediaan awal bagi menempuh musim kemarau, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) Cawangan Operasi 'B' Daerah Belait membuat wawancara terbuka bersama pihak media yang diadakan di Balai Bomba JBP, Seria.

Wawancara tersebut disampaikan oleh Penguasa Kanan Balai Bomba dan Penyelamat, Awang Muhd. Shahreeni bin Haji Mohd. Yussof, Pegawai Pemerintah, Cawangan Operasi 'B', di mana beliau memaklumkan bahawa JBP Cawangan Operasi 'B' sedang giat membuat pemantauan dan persediaan bagi menghadapi musim kemarau.

Ia diungkayahkan sebagai usaha untuk mengurangkan terjadinya kebakaran tanah gambut yang sering berlaku di Daerah Belait.

Usaha tersebut dilakukan setiap tahun dan dilaksanakan di lima buah balai di Daerah Belait dengan membuat pemantauan sebanyak tiga kali dalam sehari bermula jam 10.00 pagi, 3.00 petang dan 6.00 petang.

Rondaan dibuat di beberapa kawasan yang dikenal pasti terjadinya kebakaran tanah gambut, yang mana lazimnya akan mengambil masa yang lama untuk memadam kebakaran tersebut, dan setakat ini, pihak bomba ada menerima beberapa pangilan dan sejauh ini, ia dapat dikawal dari merebak.

Antara kawasan yang lazimnya berlaku kebakaran tanah gambut di daerah ini adalah di Kawasan Seria By Pass, Badas Pipeline, BLNG Pipeline, Kawasan Sungai Liang, Kawasan Mumung dan Kawasan Sungai Teraban.

Apabila berlaku kebakaran tanah gambut, pihak Bomba akan mengambil masa yang lama untuk memadam api, namun pihak Bomba juga turut dibantu oleh orang awam dan komuniti yang berada di kawasan kebakaran.

Pihak Bomba dan Penyelamat akan sentiasa siap sedia dan terus melakukan pemantauan serta mengingatkan kepada orang awam supaya tidak melakukan aktiviti pembakaran terbuka dengan sengaja, yang boleh menjejaskan orang awam dan alam sekitar di kawasan Daerah Belait, selain membahayakan kesihatan dan para pengguna jalan raya.






INCIDENT Command Post yang disediakan (atas, kanan) dan gambar (bawah, kanan) perkakas dan peralatan yang digunakan semasa operasi.

# Landasan membarigakan inisiatif memudah cara perniagaan

Berita dan Foto:
Hernie Suliana Haji Othman




PEGAWAI-PEGAWAI dari agensi-agensi kerajaan yang berkenaan di dalam Kementerian Kewangan memberikan penerangan ringkas mengenai fungsi dan produk masing-masing dalam Jerayawara Reformasi berkaitan dengan Ease of Doing Business bagi Daerah Tutong.

**TUTONG**, Isnin, 9 April. - Jerayawara Reformasi Kementerian Kewangan dan Jabatan-Jabatan di dalamnya bermatlamat untuk meningkatkan pengetahuan orang ramai mengenai inisiatif-inisiatif dalam memudah cara perniagaan di negara ini.

Antara objektif jerayawara yang berlangsung di Dewan Utama, Dewan Kemasyarakatan Tutong itu adalah sebagai landasan untuk membarigakan maklumat, pembaharuan dan penambahbaikan yang sedang dijalankan yang berkaitan dengan Ease of Doing Business (EODB).

Jerayawara diisikan dengan taklimat dan penerangan ringkas yang disampaikan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Perbendaharaan; Jabatan Kastam dan Eksais Diraja; Tabung Amanah Pekerja; Bahagian Hasil dan juga Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan.

Turut menyampaikan taklimat ialah pegawai-pegawai dari agensi yang berkepentingan seperti Autoriti Monetari Brunei Darussalam; Jabatan Perkhidmatan Pos; Unit Ease of Doing Business di Jabatan Perdana Menteri; Darussalam Enterprise (DARe); Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam; Bank Usahawan dan Brunei Darussalam Accounting Standards Council.

Para pengunjung terdiri daripada pengusaha, bakal pengusaha yang berkeinginan untuk berkecimpung dalam bidang perniagaan dan juga penuntut sekolah yang mahu mendapatkan maklumat lanjut dan penerangan lebih terperinci mengenai perkhidmatan dan usaha-usaha pembaikan yang telah dibuat bolehlah mengunjungi petak-petak pameran agensi-agensi yang turut serta dalam jerayawara tersebut.

Antara yang hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong dan Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Adnan bin Haji Adam.



ANTARA yang hadir terdiri daripada pengusaha-pengusaha, penuntut-penuntut dan orang persendirian yang mempunyai perniagaan dan yang berminat menceburi bidang perniagaan.

# Kajian Utama PISA 2018 libatkan 7,041 pelajar

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan



PIHAK sekolah sedang memastikan semua komputer sedia untuk digunakan bagi Programme for International Student Assessment (PISA) 2018.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 9 April. - Kajian Utama Programme for International Student Assessment (PISA) 2018 di Negara Brunei Darussalam akan diadakan di sekolah-sekolah menengah secara berjadual bermula 9 April hingga 30 Mei 2018.

Hari ini merupakan hari pertama bagi kajian ini dijalankan, yang melibatkan seramai 7,041 pelajar dalam lingkungan 15 tahun dari 55 buah sekolah menengah dan maktab di bawah Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, sekolah swasta dan juga sekolah antarabangsa.

Perkara ini dikongsikan oleh Pemangku Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi/ Timbalan Pengarah Perancangan, Perkembangan dan Penyelidikan, Kementerian Pendidikan, Dr. Dayang Habibah binti Haji Sion selaku PISA National Project Manager semasa ditemu bual oleh pihak media pada pagi tadi.

Beliau jua mengongsikan bahawa dari jumlah berkenaan, seramai 5,426 pelajar terdiri daripada sekolah menengah dan maktab kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan; 520 pelajar daripada sekolah-sekolah menengah di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama; 849 pelajar sekolah-sekolah swasta dan 246 pelajar dari sekolah-sekolah antarabangsa.

PISA merupakan salah satu kajian pendidikan antarabangsa yang bertujuan untuk mengukur pencapaian pendidikan negara bagi para pelajar yang berumur dalam lingkungan 15 tahun.

Penilaian antarabangsa tersebut dikendalikan oleh Organisation for Economic Corporation and Development (OECD) dan dilaksanakan sekali setiap tiga tahun bermula pada tahun 2000.

Pada PISA 2018 ini, sebanyak 78 buah negara di seluruh dunia akan menyertainya.

Penilaian akan mengandungi empat domain iaitu Literasi Membaca (Reading Literacy), Literasi Matematik (Mathematics Literacy), Literasi Sains (Science Literacy), dan Kemahiran Global (Global Competence). Bagi setiap kitaran 3 tahun, hanya satu domain akan dijadikan domain utama. Bagi Kajian Utama PISA 2018, domain utama adalah Literasi Membaca.

Penyertaan Brunei Darussalam dalam PISA 2018 adalah selaras dengan hasrat Wawasan Brunei 2035 dan di antara inisiatif-inisiatif Kementerian Pendidikan ke arah pencapaian wawasan berkenaan iaitu rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya. Penyertaan dalam PISA ini akan memberikan peluang yang unik dalam memahami di mana letaknya sistem pendidikan negara jikadibandingkan dengan negara-negara lain yang menyertainya.

Ini juga merupakan peluang pendidikan negara bagi belajar dan berkongsi amalan-amalan terbaik pembelajaran dan pengajaran dari semasa ke semasa.

Penyertaan ini juga akan membolehkan pihak-pihak berkepentingan dalam pembangunan pendidikan di negara ini, bagi melihat potensi yang ada di dalam Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21).



PARA pelajar bersiap sedia untuk menduduki penilaian PISA.

# Program Bijak Jawi tingkatkan kemahiran pelajar





PEMANGKU Pengarah Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajijah binti Haji Moktal melancarkan Program Bijak Jawi (kiri). Sementara gambar kanan, antara murid-murid sekolah yang menyertai Program Bijak Jawi anjuran Jabatan Pengajian Islam, KHEU melalui Bahagian Kokurikulum.

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 10 April. - Untuk melahirkan pelajar-pelajar yang celik jawi serta akan kepentingan membaca / kemahiran jawi dalam usaha melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Kokurikulum mengadakan Program Bijak Jawi bagi meningkatkan kemahiran jawi dalam kalangan pelajar-pelajar persekolahan ugama seluruh negara.

Program ini dihasratkan untuk melibatkan murid-murid sekolah sebagai satu alternatif bagi mempelbagaikan aktiviti kokurikulum.

Hadir selaku tetamu kehormat dan melancarkan Program Bijak Jawi ialah Pemangku Pengarah Pengajian Islam, KHEU, Dayang Hajijah binti Haji Moktal. Majlis berlangsung di Sekolah Ugama Pelambayan, Kawasan Brunei I, di sini.

Antara lain tujuan program ini diadakan, untuk memperkukuhkan kesedaran budaya membaca jawi sebagai amalan berterusan; Memberi kesan jangka panjang peningkatan literasi jawi kepada pelajar-pelajar.

Seramai 200 pelajar terlibat dalam program berkenaan terdiri daripada pelajar-pelajar Darjah Pra hingga Darjah VI kawasan Brunei I dan pelajar-pelajar Pendidikan Khas.

# Pelajar SM Rimba II pelajari penyediaan menu hidangan



SEKUMPULAN pelajar Sekolah Menengah Rimba II menyaksikan demonstrasi praktikal hidangan roti pisang, mufin dan puding trifle buah oleh tenaga pengajar Bahagian Pendidikan Lanjutan dan Latihan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE CET).

Berita dan Foto :
Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 10 April. - Sekumpulan pelajar Sekolah Menengah Rimba II berpeluang mempelajari cara menyediakan dan membuat beberapa menu hidangan makanan semasa lawatan mereka ke Bahagian Pendidikan Lanjutan dan Latihan, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE CET), di sini.

Pelajar terdiri daripada 18 ahli kelab masakan sekolah menengah berkenaan di bawah aktiviti ko-korikulum (CCA) dan disertai oleh tiga orang guru.

Lawatan itu bertujuan untuk mendedahkan dan mendidik para pelajar mengenai penyediaan makanan asas dan pembuatan hidangan melalui aktiviti praktikal interaktif.

Terdahulu, para pelajar diberi taklimat ringkas mengenai aktiviti tersebut oleh Pegawai Unit Perkembangan dan Pelaksanaan Program, Dayang Siti Mulsinah binti Haji Matussin,

Para pelajar kemudian menyaksikan demonstrasi praktikal hidangan roti pisang, mufin dan puding trifle buah oleh tenaga-tenaga pengajar IBTE CET.

Aktiviti tersebut diharap akan dapat membantu menambah minat pelajar-pelajar dalam penghasilan makanan tempatan dan meningkatkan pembelajaran sepanjang hayat mereka.

Dalam pada itu, IBTE CET menyokong aktiviti-aktiviti kelab masakan tersebut sebagai sebahagian dari tanggungjawab sosial korporat dengan membantu para pelajar memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang relevan dalam penyediaan makanan dan pembuatan hidangan.

# Permohonan berjaja semasa Piala HBT 2018 kini dibukakan

Siaran Akhbar :
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 April. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) ingin memaklumkan bahawa gerai berjaja akan diadakan di sepanjang Piala Hassanal Bolkiah Kejohanan Bola Sepak Bagi Belia ASEAN 2018 berlangsung.

Tempat-tempat berjaja yang akan disediakan adalah di kawasan Stadium Negara Hassanal Bolkiah dan Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Sehubungan dengan itu, borang permohonan untuk berjaja kini boleh didapati mulai hari Rabu, 11 April di Bahagian Prasarana dan Estet, Tingkat 6, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa waktu bekerja.

Permohonan dibukakan kepada orang ramai yang terdiri daripada rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam.

Satu permohonan akan diberikan satu petak sahaja dan ianya adalah terhad.

Tarikh tutup menghantar borang permohonan ialah pada hari Isnin, 16 April sebelum pukul 2.00 petang bertempat di Bahagian Prasarana dan Estet, Tingkat 6, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila hubungi Awang Haji Md Hairol Asni bin Haji Awang Said di talian +673 8802510.

# Kursus Ta'lim Tasawuf dekatkan diri kepada Allah

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hamzah Mohidin

**TEMBURONG**, Isnin, 9 April. - Lebih 30 peserta mewakili persatuan-persatuan Daerah Temburong menghadiri Kursus Ta'lim Tasawuf yang diungkayahkan oleh Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) yang berlangsung di Dewan Bumiputera, Pekan Bangar.

Kursus tersebut dihasrat dapat memberikan kefahaman dan meningkatkan lagi pengetahuan agama khusus dalam ilmu Tasawuf, selain memperkukuhkan lagi pengetahuan dari segi kerohanian untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup yang sempurna.

Ia diadakan selama empat hari kini bermula dan tenaga pengkursus terdiri dari Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Da'wah, PDI, Dayang Siti Norilham Nizah Ayu binti Haji Mohd. Zahari.



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai kursus tersebut.

Peserta bengkel tersebut akan didedahkan mengenai pengertian Tasawuf, Hukum Mempelajari Ilmu Tasawuf, tujuan dan manfaat mempelajari Ilmu Tasawuf, Peranan Hati, Jenis-jenis Maksiat, Maksiat Zahir dan pemeliharaannya, Maksiat Batin dan Penyakit Rohani, Gejala-gejala Penyakit Rohani, Kerosakan yang ditimbulkan oleh penyakit rohani, Penyakit-penyakit Rohani, cara penyembuhan (Menghiasi Diri dengan Sifat-sifat yang Menyinari Hati) dan mendekatkan diri kepada Allah.

Menerusi kursus tersebut, diharap akan dapat mengulang kaji pengetahuan dan meningkatkan lagi kefahaman yang sedia ada untuk diamalkan dalam kehidupan serta menghayati ajaran Islam dengan penuh keyakinan juga ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.



TENAGA Pengkursus terdiri dari Unit Kursus, Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah iaitu Dayang Siti Norilham Nizah Ayu binti Haji Mohd. Zahari.




# Menutup kemungkaran menjamin kesejahteraan

**AL-QURAN** adalah kitab Allah Subhanahu Wata'ala yang diturunkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang mampu membangun umat dengan peradaban yang tinggi. Setiap perkataan dan ayat yang terkandung di dalamnya mengandungi makna serta pengertian yang luas di sebaliknya. Selain untuk dibaca, Al-Quran hendaklah diperhatikan dan difikirkan isinya, kemudian dilaksanakan menjadi amalan. Dengan demikian, barulah dapat hidayat dan petunjuk Allah Subhanahu Wata'ala serta dapat mengisi keperluan umat untuk menjadi umat yang maju dan tinggi di dunia dan di akhirat.

Allah telah menganugerahkan kemuliaan kepada umat Islam dengan jolokan sebagai sebaik-baik umat dan diberikan kepercayaan untuk membimbing seluruh umat di muka bumi. Umat Islam telah mencapai darjat yang tinggi ini adalah kerana memenuhi syarat yang tiga iaitu: Menyuruh melakukan perbuatan makruf (kebajikan), melarang perbuatan mungkar (kejahatan) dan beriman kepada Allah. Selama mana umat Islam itu memenuhi ketiga-tiga syarat ini, selama itulah mereka diangkat darjatnya di sisi Allah, sebaliknya tanpa ketiga-tiga ini mereka adalah seburuk-buruk umat. Kita renung dan hayati firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imraan, ayat 110 yang tafsirnya :

"*Kamu (wahai umat Nabi Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk manusia (kerana) kamu menyuruh berbuat yang makruf dan melarang daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah. Dan kalau Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) beriman, tentulah yang demikian itu baik bagi mereka. (Tetapi) sebahagian daripada mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka ialah orang fasiq.*"

Ini dikuatkan lagi dengan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh al-Imam at-Tirmidzi daripada Huzaifah bin Yaman Radiallahuanhu yang bermaksud : "*Suruhlah berbuat makruf dan cegahlah perbuatan mungkar, atau (kalau tidak) seksa Allah boleh jadi akan menimpa ke atasmu, kemudian kamu memohon (supaya seksa itu dihentikan), tetapi permohonan kamu itu tidak dikabulkan (oleh Allah).*"

Ayat tersebut mengandungi suatu pengertian yang tinggi nilainya yang patut diperhatikan oleh umat Islam. Selain dari ketinggian martabat yang Allah berikan kepada umat Islam dan kewajipan mentauhidkan-Nya, kewajipan setiap orang Islam yang merdeka dan mukallaf adalah mengajak kepada kebiakan dan mencegah kemungkaran demi kemaslahatan hidup bersama. Ayat ini menjadi pegangan bagi umat Islam dala merealisasikan bahawa umat Islam adalah umat yang terbaik kerana melaksanakan kewajipan *amar makruf nahi munkar.*

Daripada ayat tersebut juga kita dapati bahawa sesungguhnya *amar makruf nahi munkar* adalah garis lurus yang terbesar dalam Islam. Di bawahnya tercabang perintah dan larangan yang meliputi bermacam-macam aspek yang wajib kita patuhi.

Perkataan *amar* adalah perkataan Arab yang menurut istilah bahasa bererti menyuruh, menyeru atau memerintah. Perkataan makruf pula diambil daripada perkataan *ma'rifah* (juga perkataan Arab) yang bererti segala sesuatu yang diketahui oleh hati dan jiwa tenteram terhadapnya. Pengertian makruf menurut istilah syar'ie pula ialah segala sesuatu yang dicintai Allah Subhanahu Wata'ala seperti taat kepada-Nya dan berbuat baik kepada para hamba-Nya.

Apabila digabungkan kedua-dua perkataan *amar* dan makruf ia memberi erti suatu perbuatan atau amalan terpuji yang dapat menggerakkan manusia ke jalan yang baik dalam setiap tindakannya mengikut ketentuan syarak bagi memperoleh keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Dalam erti kata lain, *amar makruf* adalah suatu perintah Allah yang patut dilaksanakan oleh setiap umat Islam agar dapat membentuk sebuah masyarakat yang aman sejahtera dan mendapat keredaan-Nya jua.

Al-Quran dan hadis telah mengajarkan umat Islam agar bijaksana dan adil dalam menegakkan perkara kebajikan dan menegah kejahatan tanpa mengira pangkat, kedudukan dan golongan seseorang itu demi memelihara dan memuliakan hukum Allah. Ini adalah bertujuan untuk memakmurkan dan meningkatkan kesejahteraan hidup manusia seluruhnya. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda diriwayatkan oleh al-Imam Muslimd aripada Abu Sa'id al-Khudri Radiallahuanhu yang bermaksud :

"*Barang siapa di antara kamu melihat kemungkaran, maka ia hendaklah mengubahnya (mencegahnya) dengan tangannya dan jika ia tidak mampu maka hendaklah ia mencegah dengan lidahnya dan jika ia tidak mampu juga maka hendaklah ia mencegah dengan hatinya. Itulah selemah-lemah iman.*"

Berdasarkan hadis di atas, kita dapati bahawa ada tiga langkah utama dalam mencegah kemungkaran dalam sesebuah masyarakat itu menurut keupayaan masing-masing. Sesungguhnya kemungkaran yang menular dalam sesebuah masyarakat dan negara itu adalah suatu gejala yang boleh mengancam keharmonian dan kesejahteraan hidup umat Islam. Justeru itu, segala bentuk kemungkaran dan kemaksiatan itu patut dicegah walaupun dengan hati dan perasaan benci jika tidak mempunyai kuasa demi keimanan dan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Mengajak orang lain berbuat apa sahaja yang mendatangkan kebaikan adalah usaha yang baik yang akan memberikan keuntungan di dunia dan di akhirat. Begitu juga mengingatkan orang lain supaya menjauhi perbuatan maksiat dan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah kerana teguran tersebut boleh menyelamatkan pelakunya daripada tergelincir dan tersasar jauh daripada landasan agama.

Tugas *amar* makruf dan *nahi munkar* adalah sama dengan tugas seorang rasul dalam membimbing umatnya ke jalan yang lurus. Maka sudah setentunyalah tugas ini menghadapi berbagai-bagai rintangan dan halangan daripada mereka yang menentang perintah Allah. Oleh yang demikian, uamt Islam mestilah bijaksana dan penuh hikmah dalam menangani segala rintangan dan halangan ini. Mereka juga mestilah tabah dan sabar menerima cemuhan serta ejekan daripada mereka yang membencinya. Apa yang lebih penting ialah mereka mestilah bersatu padu demi menjaga ketinggian dan kesucian agama Islam serta menjaga kehormatan Islam.

***"BARANG siapa di antara kamu melihat kemungkaran, maka ia hendaklah mengubahnya (mencegahnya) dengan tangannya dan jika ia tidak mampu maka hendaklah ia mencegah dengan lidahnya dan jika ia tidak mampu juga maka hendaklah ia mencegah dengan hatinya. Itulah selemah-lemah iman."***

# Suntik semangat patriotik penuntut



KETUA Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya semasa menyampaikan taklimat bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan'.

Berita dan Foto : Aimi Sani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 April. - Dalam usaha menyemai rasa cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara serta menjiwai Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara di kalangan para penuntut, Jabatan Penerangan di bawah Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan terus mengadakan siri Program Taklimat Kenegaraan.

Program taklimat kali ini diadakan di Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien dihadiri oleh Pengetua Sekolah, Awang Zamain bin Abdul berserta 174 penuntut dari Tahun 7 sekolah berkenaan dan juga tenaga-tenaga pengajar sekolah.

Taklimat bertajuk 'Raja Kita, Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan', disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan Jabatan Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, yang antara lain menyentuh mengenai raja kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Menurutnya, rakyat dan penduduk negara ini dikehendaki untuk menaik-kibarkan dan kemudian menurunkan Bendera Negara pada waktu yang telah ditetapkan, yang lazimnya diumumkan melalui media masa kerajaan seperti Pelita Brunei dan Radio dan Televisyen Brunei.

Selain mengetahui sejarah bendera dan lagu kebangsaan, setiap rakyat harus menghormati dan menghayati erti di sebalik seni kata lagu 'Allah Peliharakan Sultan' kerana ianya mengandungi permohonan doa kepada Allah untuk raja dan negara, di samping mendidik para pelajar bagaimana ketertiban semasa menaikkan bendera dan menyanyikan lagu kebangsaan sebagai pendidikan awal yang boleh memberikan kesan positif.

Pada taklimat tersebut, para penuntut juga berpeluang menyaksikan tayangan klip video 'Kibarkan Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan video animasi 'Tatacara Mengibarkan Bendera Negara' dan seterusnya menyertai Sesi Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Awang Md. Khairulrijal Hasif bin Haji Abdul Momin, penuntut Year 7 Advance 'A', ketika ditemui berkata, taklimat yang diberikan sangat berguna dan banyak ilmu bermanfaat diperolehi dan dipelajari dengan penerangan yang mudah, jelas untuk difahami.



PARA penuntut dari Tahun 7 Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien ketika menghadiri Program Taklimat Kenegaraan.

Program ini adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, bangsa dan negara di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui kebangsaan dan bendera negara.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.

# Barigakan maklumat berkaitan ASEAN kepada pelajar



PEGAWAI Penerangan, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim selaku Setiausaha bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan menyampaikan hadiah kepada pelajar yang berjaya menjawab kuiz.



PEGAWAI Luar Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman semasa memberi penerangan pada Taklimat Kenali ASEAN sambil berinteraksi bersama salah seorang penuntut.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 April. - Jerayawara Kenali ASEAN yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan melalui Unit Hal Ehwal Antarabangsa selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan ASEAN-COCI terus giat diadakan di sekolah-sekolah menengah di negara ini.

Sehubungan itu, jerayawara berkenaan telah diadakan di Dewan Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab yang turut dihadiri oleh Pengetua sekolah berkenaan iaitu Dayang Sinasuria binti Haji Ibrahim selaku tetamu kehormat.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Pegawai Luar Penerangan, Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Awang Isa bin Haji Abdul Rahman.

Jerayawara dihadiri oleh 452 penuntut Tahun 7, 8 dan 9 sekolah tersebut.

Tujuan jerayawara ini adalah untuk membarigakan serta membuat pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada para penuntut sekolah menengah di negara ini kerana mereka adalah golongan belia yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya berperanan penting dalam memangkin hala tuju negara ini.

Ia juga dihasratkan untuk meningkatkan kesedaran dan pengetahuan penuntut sekolah mengenai ASEAN selain untuk mengenal pasti sejauh mana para penuntut mengetahui tentang ASEAN dan peranan organisasi ini dalam membangun negara-negara anggotanya.

Taklimat ini juga dapat menanamkan kesedaran dan rasa milik dalam kalangan para penuntut sekolah sebagai satu masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN: Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti.

Pegawai Penerangan, Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim selaku Setiausaha bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan turut berkesempatan menyampaikan hadiah-hadiah kepada 10 penuntut yang berjaya menjawab Kuiz ASEAN.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada wakil Pengetua Sekolah Menengah Sayyidina Umar Al-Khattab.

Program tersebut adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyuntik semangat patriotisma dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam sama-sama menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan, dalam masa yang sama juga mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya penuntut-penuntut di Negara Brunei Darussalam.

# RB terima Anugerah Pilihan Pelancong TripAdvisor 2018

Siaran Akhbar dan Poster : Syarikat Penerbangan Diraja Brunei




**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 April. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) telah diiktiraf sebagai pemenang Anugerah Pilihan Pelancong TripAdvisor 2018 bagi Kelas Ekonomi Pilihan Pelancong - Asia dan Penerbangan Pilihan Pelancong Serantau - Asia.

TripAdvisor mengumumkan pemenang anugerah Pilihan Pelancong tahunan untuk syarikat penerbangan kelmarin. Menerusi laman sesawang TripAdvisor menerangkan penilaian syarikat penerbangan utama dunia ditentukan berdasarkan kuantiti dan kualiti ulasan dan penarafan untuk syarikat penerbangan di seluruh dunia yang dikumpulkan selama tempoh 12 bulan. Ulasan tersebut berdasarkan faktor-faktor seperti perkhidmatan pelanggan, kebersihan, daftar masuk dan menaiki pesawat, ruangan untuk kaki, keselesaan tempat duduk, berbaloi bagi nilai wang, hiburan dalam penerbangan termasuk makanan dan minuman.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif RB, Karam Chand, seluruh pasukan di RB amat berbangga dengan pencapaian tersebut dan mereka ingin mengucapkan terima kasih kepada para pelanggan atas sokongan berterusan dan pengiktirafan terhadap peningkatan yang telah dilakukan dalam produk dan perkhidmatan RB.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan atas dedikasi dan kerja keras ketika di lapangan dan di udara yang membolehkan kami mencapai kejayaan ini. Kami berharap dapat terus mengejutkan dan menggembirakan para pelanggan kami dan memberikan yang terbaik di dunia," ujar Karam Chand.

Naib Presiden Kanan dan Pengurus Besar Penerbangan TripAdvisor, Bryan Saltzburg menjelaskan mereka sangat teruja untuk mengiktiraf RB sebagai sebuah syarikat penerbangan kegemaran komuniti TripAdvidor dan yang mampu menyediakan pengalaman terbang terbaik di seluruh dunia.

"Memandangkan syarikat penerbangan tersebut memperkenalkan produk tambang terbaru dan pelbagai tawaran dalam penerbangan menjadikan para pelanggan terus menginginkan sebuah syarikat penerbangan yang mampu memberi nilai dan pengalaman berkualiti. Anugerah Pilihan Pelancong adalah sebagai pengiktirafan kepada syarikat penerbangan yang melebihi jangkaan penumpang dan menerima markah tertinggi dari pelancong," jelas Bryan Saltzburg.

## Apa Pendapat Biskita?

# Jimatkan Penggunaan Air

AIR meliputi tiga perempat daripada permukaan bumi, hampir 97 peratus daripada air bumi adalah air masin dan tidak boleh diminum, hanya dua peratus lagi tersimpan sebagai air segar dalam glasier, litupan ais dan banjaran gunung bersalji.

Hanya satu peratus air sahaja daripada air bumi yang tersedia dan boleh dikitar semula untuk kegunaan domestik, perniagaan, pertanian dan awam.

Selain itu dua pertiga daripada berat tubuh badan manusia adalah air, darah terdiri daripada 90 peratus air dan otak manusia terdiri daripada 85 peratus air.

Tubuh manusia boleh bertahan selama beberapa minggu tanpa makanan tetapi hanya beberapa hari sahaja tanpa air. Minumlah sekurang-kurangnya lapan gelas atau dua liter air dalam sehari untuk mengekalkan kesihatan yang baik.

Kepentingan air dalam kehidupan makhluk sejagat sememangnya agak janggal jika dipandang remeh. Pagi-pagi lagi setelah bangun tidur, kita sudah mencari air. Airlah yang pertama-tama kita cari, tanpanya seluruh aktiviti harian kita seakan ternoktah dan bagaimana agaknya jika kehidupan ini tanpa air.

Kini air terus menjadi keperluan asas yang amat penting dalam kehidupan manusia seharian malah haiwan darat pun memerlukan air untuk terus hidup.

Namun penjimatan air dalam kehidupan kita seharian perlu kita memainkan peranan yang lebih aktif dalam usaha menjimatkan air, segera kita secara pragmatik dapat melancarkan aktiviti harian yang berkaitan dengan penggunaan air tanpa sebarang kemelut atau masalah.

Sekarang negara kita mulai dilanda musim kering dan cuaca panas, setakat ini keturunan hujan sangat sedikit namun orang ramai masih belum peka untuk menjimatkan penggunaan air seharian, marilah kita sama-sama menjimatkan penggunaan air sebelum keadaan lebih teruk melanda negara ini.

Ruang Apa Pendapat Biskita sempat mendapatkan beberapa pandangan orang ramai mengenai Jimatkan Penggunaan Air.

"Kebanyakan orang ramai pada masa ini tidak tahu menghargai kepentingan air. Apabila membuka pili air, air sedia ada; apabila ingin menjirus tandas, air sentiasa ada. Oleh sebab itu, ramai orang yang mengambil mudah tentang kepentingan air dan sering membazirkan air sehingga menyebabkan bekalan air kian berkurangan dan secara tidak langsung membuat pembaziran.

Kebanyakan air yang digunakan oleh rakyat dan penduduk di negara ini adalah untuk membersihkan tandas, mandi, mencuci kereta, membasuh pakaian, mencuci lantai, menyiram bunga dan sebagainya.

Sekiranya penggunaan air secara berlebihan itu dapat dikurangkan, matlamat untuk menjimatkan penggunaan air akan tercapai, khasnya pada musim kering dan cuaca panas ketika ini." **- Zar, Lumut.**

"Air merupakan sumber asli yang terhad, manusia sangat bergantung kepada air untuk hidup. Dengan populasi manusia yang semakin bertambah, maka keperluan terhadap bekalan air bersih juga sudah tentu meningkat.

Oleh itu, setiap orang mempunyai tanggungjawab untuk menjimatkan air, terdapat banyak cara untuk kita menjimatkan air, antaranya yang boleh kita amalkan setiap hari ialah mandi dengan air pancuran, jangan biarkan air terus mengalir ketika menggosok gigi atau menyabun sabun pada badan, basuh pinggan di dalam sinki yang diisi dengan air, bukan yang mengalir dari pili air, cuci kereta dengan menggunakan air di dalam baldi atau air yang ditakong melalui turunan hujan, pasang tangka curahan air tandas dwisistem yang menggunakan curahan separuh untuk berkencing dan curahan penuh untuk membuang air besar, gunakan mesin basuh dengan muatan penuh, baiki segera pili air atau paip yang bocor dan sering kumpulkan air hujan untuk menyiram pokok, tanaman, menyuci longkang atau menyuci kenderaan peribadi.

Semua hal di atas boleh kita lakukan sendiri sambil mengajak semua ahli keluarga untuk berbuat demikian tetapi tinggal lagi sikap kita untuk menjimatkan air atau tidak." **- Fz, Rimba.**

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-mel pendapat biskita ke :
*pelita.brunei@information.gov.bn*
**i. Hadkan Kegiatan Luar Ketika Cuaca Panas dan Kering.**
**ii. Beri Laluan Kepada Pengguna Jalan Raya Yang Lain.**

# Program Bengkel Kepimpinan MPP PTES

**Berita dan Foto :**
**Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**SENGKURONG,** Selasa, 10 April. - Seramai 72 pelajar terdiri daripada Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Pusat Tingkatan Enam (PTE) Sengkurong hari ini mengikuti Program Bengkel Kepimpinan MPP yang berlangsung di Multimedia Theatre, sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengetua PTE Sengkurong, Awang Haji Jafri bin Haji Suhaili.

Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah beramai-ramai, diikuti dengan ceramah motivasi yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Generasi Bekarih, Awang Hanis bin Osman dan Ketua Pegawai Eksekutif Al Huffaz Management, Awang Haji Mohammad Loqman Al-Hakim bin Haji Hamdan.



**PENGETUA PTE Sengkurong, Awang Haji Jafri bin Haji Suhaili semasa menyampaikan sijil kepada para penceramah.**

Acara diteruskan lagi dengan penyampaian sijil kepada penceramah undangan yang disampaikan oleh tetamu kehormat, diikuti dengan sesi bergambar ramai.

Juga hadir ialah tenaga pengajar dan para pelajar PTE Sengkurong.

## Kampung Selera Kitani

## Kampung Jerudong 'B'



**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

### TAPAI SIMPUR KERASIK

**BAHAN-BAHANNYA :**
1 kilo Beras Siam
Laru secukupnya
Sedikit gula
Air secukupnya
Daun Simpur Kerasik

**CARA MEMBUATNYA :**
Beras Siam dicuci dan dituhuskan seperti biasa. Kemudian jeranglah beras tadi hingga masak. Setelah masak, tunggu sehingga nasi tadi betul-betul sejuk atau dingin dan tidak boleh suam. Hancurkan atau ditumbuk laru. Setelah nasi betul-betul sejuk baru masukkan laru yang telah dihancurkan atau ditumbuk tadi ke dalam nasi berkenaan. Gaul hingga sebati.

Bungkus gunakan Daun Simpur Keirisik. Tunggu 6 hingga 7 jam sehingga tapai masak dan boleh dinikmati.

**PETUA** - Periuk bekas memasak nasi tadi pula direndam dengan air panas dan masukkan sedikit gula dan gaul sebati. Simpan sudu dalam periuk tadi. Basahi sudu menggunakan air dalam periuk berkenaan untuk membungkus nasi yang sudah digaul dengan laru tadi.

Tidak boleh marah, hati gundah-gulana, susah hati dan sebagainya ketika membungkus nasi menggunakan Daun Simpur Kerisik kerana dikhuatiri tapai akan bertukar menjadi warna merah.

**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN :**
**EGNC / PM / 4.1 / 12.2017**

**"Maintenance of Wide Area Network Infrastructure for E-Government National Centre"**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. SYARIKAT atau perusahaan yang berminat untuk ikut serta di dalam tawaran ini mestilah mempunyai pengalaman sekurang- kurangnya empat (4) tahun dalam pengendalian projek *Enterprise Network Infrastructure*.

2. Syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk menyertai tawaran ini juga hendaklah memenuhi keperluan kuadran *Highly Speciliazed* di dalam Dasar Pembangunan Perniagaan Tempatan bagi Industri ICT (Local Business Development, LBD). Maklumat lanjut mengenai dasar ini bolehlah dilihat melalui laman sesawang *www.ei.gov.bn/ICTLBD/Home.aspx*

3. Mana-mana syarikat atau perusahaan yang berhajat untuk ikut serta bagi tawaran yang tersebut di atas hendaklah membuat pembayaran bagi harga yuran tawaran yang berjumlah BND500.00 dan seterusnya mendapatkan dokumen tawaran dalam bentuk cakera padat berjumlah BND5.00 dari :

**SEKSYEN KEWANGAN**
**DIVISYEN PENGURUSAN KEWANGAN**
**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN**
**JABATAN PERDANA MENTERI**
**SIMPANG 69-18**
**JALAN E-KERAJAAN**
**GADONG, BE1110**
**BANDAR SERI BEGAWAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

pada setiap **Isnin hingga Khamis dari jam 8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi** sahaja.

4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dan mestilah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut :

**BILANGAN TAWARAN :**
**EGNC / PM / 4.1 / 12.2017**
**"Maintenance Of Wide Area Network Infrastructure For E-Government National Centre"**

tanpa menunjukkan nama syarikat pemborong dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada :

**PENGERUSI**
**LEMBAGA TAWARAN KECIL**
**JABATAN PERDANA MENTERI**
**JALAN MENTERI BESAR**
**BANDAR SERI BEGAWAN**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**
tidak lewat dari **jam 2.00 petang pada Selasa, 24 April 2018**.

5. Tawaran-tawaran tersebut mestilah dihantar menggunakan borang tawaran yang telah disediakan dengan menyertakan sijil pendafataran syarikat yang terkini.

6. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.

7. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan tidak munasabah.

---

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM**
**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**BILANGAN SEBUT HARGA : KHEU / JPI / JKS / PPS(K) / 2018-2019**
**PERKHIDMATAN PEMBUANGAN SAMPAH TEMPOH 2 TAHUN ZON 'K'**
(1. SEKOLAH UGAMA BUKOK, TEMBURONG 2. SEKOLAH UGAMA PG. MUDA MOHAMMAD BOLKIAH & SEKOLAH PERSEDIAAN ARAB, TEMBURONG)

**SYARAT-SYARAT, PANDUAN DAN MAKLUMAT :**

1. TAWARAN adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang berdaftar dan terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

2. Pemohon-pemohon yang berkhidmat dengan kerajaan tidak akan diterima kecuali mendapat **SURAT KEBENARAN** untuk berniaga daripada **JABATAN PERDANA MENTERI**.

3. Pemohon-pemohon mestilah membawa bersama salinan **SIJIL PENDAFTARAN PERNIAGAAN 16 & 17** serta **COP SYARIKAT** semasa mengambil borang sebut harga.

4. Borang sebut harga bolehlah diperoleh di :

**Bahagian Kewangan,**
**Jabatan Pengajian Islam,**
**Kementerian Hal Ehwal Ugama,**
**Tingkat 4, Blok 2 I, Jalan Ong Sum Ping,**
**Bandar Seri Begawan, BA1311,**
**Negara Brunei Darussalam.**

5. Tarikh akhir mengambil borang sebut harga adalah pada :
**Isnin, 7 Syaaban 1439H / 23 April 2018M, tidak lewat jam 4.00 Petang.**

6. Tarikh tutup menghantar borang sebut harga adalah pada :
**Rabu, 9 Syaaban 1439H / 25 April 2018M, tidak lewat jam 11.30 Pagi.**

---

**YAYASAN SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH**

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan bagi memenuhi jawatan **PENYAMBUT TETAMU / OPERATOR TELEFON** di **Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah**. Pemohon-pemohon bolehlah melayari laman sesawang *www.yshhb.org.bn* dan untuk memohon sila layari (atau tekan) '*link*' berikut *http://bit.ly/2G64geA*

**Kelayakan :**
i. Berumur diantara 20 hingga 30 tahun pada tarikh tutup iklan.
ii. Mempunyai kelulusan akademik sekurang-kurangnya lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau kelulusan yang sebanding dengannya. Pemohon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi akan di berikan keutamaan.
iii. Pemohon yang mempunyai pengalaman bekerja sebagai Penyambut Tetamu / Operator Telefon akan di berikan keutamaan.
iv. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.
v. Pemohon yang mempunyai kemahiran dalam menggunakan komputer dan aplikasi-aplikasi komputer seperti MS Office, akan di berikan keutamaan.
vi. Mempunyai lesen memandu.
vii. Mempunyai personaliti yang baik dan penampilan yang menyenangkan.
viii. Berkesanggupan bertugas secara bergilir (*shift work*) termasuk berkerja malam dan pada hari kelepasan awam.

**Peringatan :** Tarikh tutup permohonan pada **Jumaat, 13 April 2018 jam 5.00 petang**.

---

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**(1)**
**DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DI DALAM KELAS : VI SAHAJA KATEGORI : [KA01]**

**TARIKH MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 11 APRIL 2018 (RABU)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL DOKUMEN TAWARAN PADA : 1 MEI 2018 (SELASA) JAM 3.30 PETANG**

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA : 8 MEI 2018 (SELASA) JAM 2.00 PETANG**

**BILANGAN :**
**JKR / DOR / SRM 05 / 2018**

**NAMA PROJEK :**
**MEMBAIK PULIH JALAN SERASA**

**YURAN TAWARAN : BND1,000.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)**

Sementara itu di Daerah Tutong, dua program yang sama juga dijalankan daripada anggota Daerah Polis Tutong, melalui Ahli Focal Point, Koperal 4899 Noraziah dan Kpl 5250 Md Fadilah, iaitu pendekatan ke Guru Besar Sekolah Rendah Binturan Penanjong Kem, Hazibah binti Haji Abd Rahman dan pendekatan ke rumah Pemangku Ketua Kampung Danau, Awang Haji Abdullah bin Haji Mohd. Tahir.

Dalam perjumpaan tersebut, Ahli-ahli Focal Point membincangkan mengenai perancangan mengenai Taklimat Kesedaran Jenayah yang akan disampaikan dan juga merancang bagi mengadakan Kempen Kebersihan Masjid dan Tanah Perkuburan Orang-orang Islam Kampung Danau.

Manakala di Daerah Belait turut sama dijalankan ialah perjumpaan anggota Balai Polis Kuala Belait bersama Ketua Kampung Pandan 'A' Awang Haji Sulaiman bin Udin. Hadir semasa perjumpaan tersebut Staf Sarjan 2528 Joefry dan Koperal 3028 Md. Jin, serta Penolong Penguasa Polis (ASP) Mohd Amiruddin daripada Unit Perhubungan Awam Pasukan PDB.

Semasa perjumpaan tersebut, turut disentuh mengenai penglibatan Ahli PK Kampung Pandan 'A' dan perkongsian maklumat mengenai kegiatan-kegiatan jenayah yang berlaku di kawasan berkenaan.

Diharapkan dengan pendekatan sedemikian ianya dapat mewujudkan dan mempertingkatkan lagi hubungan silaturahim di kalangan masyarakat awam, bagi memberikan kefahaman yang sepenuhnya untuk membasmi serta membenci jenayah dan mengukuhkan lagi keyakinan komuniti setempat terhadap pihak yang berwajib dalam soal keselamatan, serta mengembalikan semangat untuk menangani pelbagai gejala yang dianggap berbahaya kepada masyarakat.

# Bolehkah berniat *taqarrub* ketika melakukan perkara Mubah?




**(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**DALAM** Islam, niat merupakan satu perkara penting sebagai pembeza amalan seseorang, sama ada untuk ibadah, untuk mendapat ganjaran pahala atau untuk melaksanakan perbuatan semata-mata. Niat merupakan tempat tumpuan Allah Subhanahu Wata'ala pada diri hamba-Nya sebagaimana yang disebut oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu :

Maksudnya : *"Sesungguhnya Allah tidak melihat pada jasad kamu atau pada rupa paras kamu, melainkan yang dipandangnya adalah hati kamu dan (Baginda) mengisyaratkan jari-jari Baginda ke arah dada."*

(Hadis riwayat Muslim)

Letak niat adalah di dalam hati kerana hakikat niat itu adalah maksud atau keinginan. Letak maksud atau keinginan itu adalah di dalam hati. Namun melafazkannya pula adalah sunat. Ini kerana pada hakikatnya akal, pengetahuan, kecenderungan, kebencian dan kepercayaan juga terletak di dalam hati. Yang demikian itu, niat dianggap salah satu daripada perbuatan (yang dilahirkan dari) hati.

Para ulama Fiqh termasuk ulama Syafi'eyah menetapkan niat sebagai keutamaan sama ada ia menjadi rukun atau syarat sah dalam melaksanakan satu-satu ibadah. Dalam perbuatan-perbuatan mubah pula, niat tidaklah disyaratkan seperti makan, minum, tidur dan yang seumpamanya. Akan tetapi, persoalannya adakah boleh seseorang itu berniat taqarrub (mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala) ketika melakukan perbuatan-perbuatan mubah?

**Pengertian Niat**

Banyak takrif diberikan berkaitan niat. Namun daripada takrif yang diberikan itu ia tetap memberi makna: Tujuan atau maksud atau keinginan. Menurut para ulama, niat itu adalah ketetapan hati untuk menghasilkan satu perbuatan secara sungguh-sungguh.

Para ulama Syafi'eyah mentakrifkan niat sebagai memaksudkan sesuatu seiring dengan perbuatannya.

Di dalam Kitab al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Muyassarah disebutkan bahawa niat ada dua jenis, iaitu :

1.Niat *at-taqarrub* (mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala), iaitu niat yang digandingkan dengan perbuatan. Orang yang berniat taqarrub ini hendaklah berlaku ikhlas semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala. Contohnya seseorang memberi makanan kepada jirannya dengan tujuan bersedekah.

2.Niat *at-tamyiz* (membezakan), iaitu niat yang menentukan maksud lafaz atau perbuatan yang boleh membawa banyak maksud; membezakan antara adat (kebiasaan) dan ibadah, contohnya seseorang duduk di masjid berniat sama ada dia duduk untuk berehat atau untuk beriktikaf. Atau membezakan antara satu ibadah dengan ibadah yang selainnya, contohnya seseorang hendak melakukan sembahyang berniat sama ada hendak melakukan sembahyang fardu atau sembahyang sunat.

**Bolehkah Berniat Taqarrub Ketika Melakukan Perkara Mubah?**

Imam al-Ghazali Rahimahullah menjelaskan bahawa amalan yang berhubung dengan niat itu terbahagi kepada tiga bahagian; maksiat, amal taat dan mubah.

(1) Amal Maksiat

Amal maksiat tidak boleh berubah kedudukannya daripada amal maksiat kepada amal taat dengan hanya menambah niat melakukan ketaatan semata-mata. Contohnya, seseorang mencuri untuk niat bersedekah kepada orang lain daripada hasil curian atau seseorang hendak membina masjid dengan wang haram.

(2) Amal Taat

Amal taat itu berkaitan dengan niat dalam syarat sahnya dan dalam berlipat ganda pahalanya. Asas amalan yang sah itu, hendaklah seseorang itu meniatkan melakukan amal semata-mata sebagai ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, tidak menyimpang kepada yang selain-Nya. Sekiranya perbuatan taat itu disertai dengan niat untuk riya, maka ia berubah menjadi perkara maksiat.

Dalam hal pahala berlipat ganda pula, ia terhasil dengan memperbanyakkan niat ketika melakukan amal tersebut. Setiap satu niat, maka ganjarannya adalah dengan satu pahala yang berasingan. Sebagai contoh beriktikaf di masjid. Iktikaf adalah amal ketaatan. Ketika seseorang beriktikaf di dalam masjid, dia boleh memperbanyakkan atau mempelbagaikan niatnya di samping niat untuk beriktikaf sehingga dengan itu pahalanya menjadi berlipat ganda hanya dengan satu perbuatan iaitu beriktikaf. Antara perkara yang boleh diniatkannya:

a. Beriktikad bahawa masjid adalah rumah Allah Subhanahu Wata'ala dan sesiapa yang masuk ke dalamnya adalah sebagai tetamu-tetamu Allah Subhanahu Wata'ala.

b. Berniat menunggu satu sembahyang sehingga masuk sembahyang yang lain dan ini jelas semua masanya tertumpu dalam melaksanakan sembahyang secara berterusan.

c. Berniat memusatkan segala perhatian kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan memfokus jiwanya untuk memikirkan hanya pada urusan-urusan akhirat semata-mata serta menolak segala gangguan yang boleh memesong perhatian daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

d. Berniat melapangkan masa untuk berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala atau untuk mendengar nasihat-nasihat untuk mengingat Allah Subhanahu Wata'ala.

e. Berniat untuk meninggalkan maksiat kerana malu kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan malu untuk melakukannya di dalam Rumah Allah Subhanahu Wata'ala.

Demikianlah contoh bagaimana cara memperbanyakkan atau mempelbagaikan niat untuk mencapai pahala berlipat ganda.

(3) Amal Mubah

Seseorang tidak perlu berniat untuk melakukan perkara mubah (yang diharuskan) seperti makan, minum, memakai pakaian dan yang seumpamanya. Namun jika perbuatan itu disertai dengan niat, maka ianya akan dinilai sesuai dengan niatnya itu.

Setiap amal mubah boleh disertai dengan niat sama ada satu niat atau banyak, untuk menjadikan amal itu suatu amal qurbah (amal yang mendekatkan diri kepada Allah Ta'ala). Seseorang akan mendapat pahala jika perbuatan mubah dilakukannya dengan disertai niat mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Contohnya, seseorang makan dengan niat untuk memberinya kekuatan beribadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, maka perbuatan makannya itu adalah satu ketaatan dan baginya pahala untuk itu.

Contoh yang lain pula, seseorang memakai haruman adalah mubah (harus) apabila dia hendak menikmati wangi minyak harum atau untuk menimbulkan kegembiraan di hati dengan memakai minyak harum. Namun jika dia meniatkan dengan niat-niat *hasanah* (kebaikan), maka dia mendapat pahala dengan niat-niat qurbah itu seperti meniatkan untuk mengikut sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang memakai haruman pada hari Jumaat dan meniatkan untuk mengagungkan rumah Allah Subhanahu Wata'ala kerana memasukinya (adalah lebih baik) dengan bau yang menyenangkan. Begitu juga jika diniatkannya untuk memberi kewangian kepada orang-orang di sekelilingnya sehingga mereka suka dengan kewangian tersebut.

Sebahagian para ulama Salaf berkata : "Aku gemar menyertakan niat baik pada setiap sesuatu sehingga dalam makanku, minumku, tidurku serta ketika masukku ke dalam bilik air.

Semua perbuatan mubah boleh disertakan dengan niat *taqarrub* iaitu niat mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh itu, sesiapa makan dengan meniatkan demi menguatkan badan untuk beribadat, atau menggauli isteri dengan meniatkan untuk memelihara agamanya atau untuk menyenangkan hati isterinya atau untuk mendapat anak saleh yang meneruskan ibadat kepada Allah Subhanahu Wata'ala sesudah dirinya, maka dia melakukan ketaatan kerana makannya atau kerana nikahnya (persetubuhannya itu). Dengan itu dia mendapat pahala kerana niat tersebut.

Pemurahnya Allah Subhanahu Wata'ala terhadap hamba-hamba-Nya sehinggakan manusia boleh sahaja mendapat pahala dengan perbuatan yang biasa-biasa dilakukan sehari-hari. Pahala bagi perbuatan-perbuatan mubah ini boleh kita dapat dengan berniat mendekatkan diri kepada-Nya ketika melakukan perbuatan tersebut.

> ***"LETAK niat adalah di dalam hati kerana hakikat niat itu adalah maksud atau keinginan. Letak maksud atau keinginan itu adalah di dalam hati. Namun melafazkannya pula adalah sunat. Ini kerana pada hakikatnya akal, pengetahuan, kecenderungan, kebencian dan kepercayaan juga terletak di dalam hati. Yang demikian itu, niat dianggap salah satu daripada perbuatan (yang dilahirkan dari) hati."***

> ***"PARA ulama Fiqh termasuk ulama Syafi'eyah menetapkan niat sebagai keutamaan sama ada ia menjadi rukun atau syarat sah dalam melaksanakan satu-satu ibadah. Dalam perbuatan-perbuatan mubah pula, niat tidaklah disyaratkan seperti makan, minum, tidur dan yang seumpamanya. Akan tetapi, persoalannya adakah boleh seseorang itu berniat taqarrub (mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala) ketika melakukan perbuatan-perbuatan mubah?"***

# Jangan terlalu bergantung pada kerajaan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**MUKIM SENGKURONG**, Isnin, 9 April. - Rakyat dan penduduk di negara ini diseru agar tidak bergantung kepada pihak kerajaan semata-mata, akan tetapi meneroka peluang-peluang pekerjaan dalam bidang lain.

Pemilik dan Pengusaha Syarikat Perusahaan Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Ludin dan Anak-Anak menyarankan demikian ketika ditemu bual Pelita Brunei di Kawasan Kemajuan Pertanian Batumpu, di Kampung Masin, di sini.

Awang Haji Mohd. Salleh mula bergiat dalam perusahaan sayur-sayuran dan buah-buahan pada tahun 2002 dengan keluasan tujuh hektar.

Hasil dari perusahaan tersebut terangnya adalah sebanyak 495.9 tan metrik pada tahun 2017 dengan jenis tanaman seperti labu air, petola, timun, lada susu, buah pisang dan sejenis daun-daunan, iaitu sayur sawi putih, sawi manis, bayam bangla, bayam putih dan bayam merah.

Dengan hasil penanaman itu ujarnya, akan dijual ke pasar-pasar seperti pasar borong dan pasar raya-pasar raya di negara ini.

Justeru itu, beliau berhasrat pada masa akan datang merancang untuk membuat rumah pelindung dengan penanaman lada susu, di samping meningkatkan hasil ladangnya.

"Sebagai pengusaha memerlukan kesabaran dan berkebun dengan niat (naw aitu) kerana berkebun ini sangat menguntungkan," tambahnya.

Sementara itu, pemilik Syarikat Riverland Agriculture Farm, Awang Haji Ismail bin Haji Sabani, 69, pula mengongsikan perusahaan syarikat beliau telah lama diusahakan, iaitu lebih 20 tahun.

Menurut beliau, syarikat itu diharap dapat mempelbagaikan lagi tanaman beliau yang telah ditempatkan oleh Jabatan Pertanian sendiri juga memantau hasil tanaman yang telah diusahakan.

Pada masa ini, syarikatnya menanam sayur Asparagus dengan memperoleh 1 tan dalam masa dua bulan dan akan memperoleh sebanyak enam ke 10 kilo sehari.

Selain itu, beliau bersama enam pekerjanya turut mengusahakan tanaman lain seperti hidroponik, pisang madu, jambu, lada merah dan sebagainya.

Oleh itu, para pengusaha ladang pertanian perlu dididik dengan cara baik, di samping mengetahui teknik-teknik atau cara-cara mengusaha ladang seperti membaja dan sebagainya.



**PEMILIK** dan Pengusaha Syarikat Perusahaan, Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Ludin dan Anak-Anak semasa ditemu bual oleh Pelita Brunei.



**PEMILIK** Syarikat Riverland Agriculture Farm, Awang Haji Ismail bin Haji Sabani semasa ditemu bual Pelita Brunei.



**ANTARA** tanaman seperti sayur bayam, kangkong serta sawi yang terdapat di ladang Syarikat beliau.

Pelita Brunei

# MINDA PEMBACA

## Pupuk kesedaran kepentingan pengurusan kewangan

**TIDAK** dinafikan lagi bahawa pengurusan kewangan adalah sangat penting pada era globalisasi dan serba canggih ini kerana tanpa pengurusan kewangan yang baik, kita mudah saja akan terjerumus ke kancah pembaziran. Apa tidaknya inovasi teknologi-teknologi canggih pada masa kini sangat pantas dari masa ke masa, dan perkara inilah yang akan menyebabkan kita hilang pertimbangan dalam menyediakan keperluan seharian untuk diri sendiri mahupun keluarga.

Memupuk kesedaran akan kepentingan pengurusan kewangan hendaklah bermula dari rumah lagi terutamanya kepada kedua ibu bapa. Ibu bapa seharusnya menjadi contoh teladan kepada anak-anak dalam berbelanja, iaitu hendaklah ibu bapa mengutamakan perkara-perkara yang penting terlebih dahulu dalam menyediakan keperluan seharian keluarga. Insyaa Allah, anak-anak akan terbiasa dengan cara pengurusan kewangan yang telah ditunjukkan oleh ibu bapa mereka sendiri dan seterusnya mereka akan mudah terikut dengan pengurusan kewangan yang berhemah dan jauh dari sikap pembaziran.

Membahagi-bahagikan sumber kewangan yang diperoleh sebelum digunakan juga boleh memupuk kesedaran pengurusan kewangan kerana dengan adanya pembahagian sumber kewangan ini, kita boleh menilai dan meneliti kemampuan berbelanja kita pada bulan tersebut agar kewangan yang kita miliki akan mencukupi untuk kita menjalani kehidupan sehari-hari pada bulan tersebut. Secara tidak langsung, kaedah ini mendidik kita untuk berbelanja secara bijak dan mampu menepis segala keinginan-keinginan untuk berbelanja secara berlebihan.

Harus kita sedari bahawa sumber kewangan yang kita miliki tidak semuanya milik kita kerana di dalam sumber kewangan yang kita miliki terdapat rezeki orang lain di dalamnya. Oleh itu, sama-samalah kita muhasabah diri agar kita sentiasa dibimbing oleh Allah Subhanahu Wata'ala dalam mentadbir rezeki yang telah dikurniakannya terhadap kita.

**Nama : Dayangku Najlaa Naqiah @ Dk. Najihah binti Pengiran Haji Nordin**
**No. K/P : 01-096156**

**Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Budaya Brunei Warisan dan Khazanah Penting Negara'.** Tarikh Tutup : **11 April 2018**
2. **'Bijak Menggunakan Air, Elak Pembaziran'.** Tarikh Tutup : **18 April 2018**
3. **'Kes Kemalangan Jalan Raya Membimbangkan'.** Tarikh Tutup : **25 April 2018**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada remaja yang berusia lingkungan **15 hingga 25 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**Sidang Pengarang, Minda Pembaca**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

*Menangi* **BND75** *Setiap Minggu*

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# Sembahyang berjemaah raih pahala 27 kali ganda



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berangkat menyertai rakyat jelata ke Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-34 Tahun.

**Oleh : Noriah Haji Abdul Hamid**
**Foto : Jabatan Penerangan**

**SETIAP** menjelangnya 27 Rejab Hijrah, umat Islam di seluruh dunia akan mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj. Begitu juga di Negara Brunei Darussalam, Majlis Sambutan Israk dan Mikraj merupakan antara hari-hari kebesaran Islam yang bertujuan membawa umat Islam di negara ini mengingati peristiwa besar di dalam sejarah pengukuhan iman pada awal penyebaran ugama Islam supaya mengambil iktibar serta pengajaran daripadanya. Peristiwa Israk dan Mikraj telah memberi kesan yang amat luar biasa melangkaui pencapaian akal manusia.

Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Peringkat Negara Bagi Tahun 1439H akan diadakan pada 27 Rejab 1439H bersamaan 14 April 2018 Masihi bertempat di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dengan tema 'Sembahyang Berjemaah Meraih Berkat'.

### Peristiwa Israk dan Mikraj

Israk bermaksud perjalanan dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil-Aqsa di Palestin sementara Mikraj pula bererti naik ke Hadratul-Qudus (ke langit) menemui Allah Subhanahu Wata'ala. Peristiwa ini disebutkan di dalam Al-Quran, firman Allah Subhanahu Wata'ala yang bermaksud : "*Maha suci Allah yang telah memperjalankan hamba-Nya (Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dengan roh dan jasadnya) pada malam hari dari Masjidil Haram (di Mekah) ke Masjidil Aqsa (Baitulmaqdis Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya supaya kami memperlihatkan kepadanya tanda-tanda kebesaran dan kekuasaan Kami. Sesungguhnya Allah Maha Mendengar lagi Maha Melihat.*" (Surah al-Israk, ayat 1).

Signifikannya pengembaraan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang hanya berlaku dalam satu malam sahaja iaitu pada malam 27 Rejab padahal jarak perjalanannya amat jauh, tidak akan dapat dilakukan oleh manusia sekali pun mempunyai peralatan yang lengkap dan canggih.

Di sepanjang perjalanan malam itu, Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam diperlihatkan berbagai-bagai kejadian ajaib yang merakamkan waktu silam, masa kini dan yang akan datang. Baginda juga dipertemukan dengan para malaikat dan para rasul yang diutus sebelum Baginda. Baginda dibawa menaiki tujuh tingkat langit, ke Sidratul Muntaha dan 'Arasy Allah Ta'ala. Pada penghujung Mikraj inilah sembahyang lima waktu disyariatkan secara langsung kepada Baginda tanpa melalui penurunan wahyu dan perantaraan Jibril.

Dalam peristiwa Israk dan Mikraj, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam antaranya telah menyaksikan segolongan lelaki dan perempuan yang memotong satu potongan daging daripada salah seorang mereka. Kemudian mereka meletakkan potongan daging tersebut pada mulut salah seorang dari mereka dan berkata kepadanya : "*Makanlah sepertimana aku makan.*" *Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bertanya : "Wahai Jibril, siapakah mereka itu?" Jibril Alaihisalam menjawab : "Mereka inilah pengumpat, pencela serta pengadu domba.*"

Mengadu domba bererti mengeluarkan berita dengan tujuan menghasut atau memindahkan atau menyampaikan berita pada orang lain dengan tujuan yang tidak baik. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Humazah, ayat 1 tafsirnya : "*Kecelakaan yang besar bagi pengeji dan pencaci.*"

### Huraian Tema 'Sembahyang Berjemaah Meraih Berkat'

Sembahyang berjemaah adalah sembahyang yang dilakukan secara beramai-ramai yang sekurang-kurangnya dua orang, seorang imam dan seorang lagi menjadi makmum. Jika ramai jumlah bilangan jemaah semakin besar ganjaran pahala yang diperoleh.

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Umar Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "*Sesungguhnya sembahyang berjemaah lebih afdal daripada sembahyang bersendirian dengan 27 kali ganda.*" (Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim). Hadis ini bertepatan dengan tema sambutan tahun ini iaitu 'Sembahyang Berjemaah Meraih Berkat'.

Sembahyang berjemaah disyariatkan supaya dilaksanakan selepas Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berhijrah ke Kota Madinah. Ia tidak disyariatkan di Mekah kerana umat Islam masih dikuasai oleh kafir Quraisy. Disebutkan dalam Kitab Al-Mughni : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menetap di Mekah selama 13 tahun. Sepanjang tempoh tersebut Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersembahyang secara berjemaah kerana para sahabat Baginda masih dikuasai oleh kaum kafir Quraisy. Justeru itu, mereka hanya menunaikan sembahyang di rumah masing-masing.

Setelah berhijrah ke Madinah, mereka telah mendirikan sembahyang secara berjemaah dan berterusan memeliharanya. Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan para sahabatnya memelihara dan menjaga sembahyang berjemaah, maka ulama telah berijmak bahawa sembahyang berjemaah adalah antara ibadah yang disyariatkan.

Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam satu program dinamakan Masjid Makmur Negara Berkat telah dilaksanakan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama setiap awal pagi Ahad, dengan menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di seluruh masjid dan penumpuannya di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan. Perkara ini satu petanda yang baik kerana secara tidak langsung mengajak masyarakat di negara ini sama-sama sembahyang berjemaah dengan pihak-pihak tertentu yang setentunya membawa kepada keberkatan dan ganjaran pahala sepertimana yang Allah janjikan.

### Ganjaran Pahala Sembahyang Berjemaah

Terdapat banyak kelebihan dan ganjaran pahala yang diraih apabila kita mengerjakan sembahyang lebih-lebih lagi berjemaah sama ada di rumah, di tempat bertugas apatah lagi di masjid.

Dari Abu Hurairah dia berkata : Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "*Pahala solat seseorang dengan berjemaah melebihi pahala solatnya di rumah dandi pasar sebanyak 25 darjat. Hal tersebut kerana apabila seseorang di antara kita berwuduk, lalu memperelokkan wuduknya, kemudian pergi ke masjid semata-mata kerana untuk mengerjakan sembahyang, maka orang tersebut tidak melangkah satu langkah kecuali setiap langkahnya itu diangkat baginya satu darjat, dan dihapus daripadanya satu dosa, sampai dia masuk ke dalam masjid. Apabila dia telah masuk masjid, maka dia dikira dalam keadaan sembahyang selama tertahan kerana sembahyang (tidak keluar dari masjid kerana menunggu sembahyang) dan para malaikat akan berselawat (memohonkan rahmat dan ampunan) kepada seseorang di antara kalian, selama dia tetap berada di tempat dia mengerjakan sembahyangnya, mereka (para malaikat) berdoa : Ya Allah, ampunilah dia, rahmatilah dia dan terimalah taubatnya. Para malaikat itu berdoa demikian selama orang itu tidak mengganggu orang lain di tempat itu.*" (Hadis Riwayat Abu Daud)

Orang yang hatinya sentiasa teringat kepada masjid adalah orang yang menunaikan sembahyang berjemaah setiap waktu. Apabila dia keluar dari masjid hatinya sentiasa ingat akan datang semula ke masjid untuk menunaikan jemaah fardu yang berikutnya. Orang ini akan mendapat perlindungan daripada Allah di akhirat nanti di mana pada waktu itu tiada perlindungan kecuali hanya perlindungan dari-Nya sahaja. Ini merupakan kelebihan yang amat besar kepada orang yang sentiasa mengerjakan sembahyang fardu dengan berjemaah di masjid.

Orang yang bersembahyang berjemaah di masjid Allah sediakan baginya hidangan di syurga setiap kali dia pergi dan balik sepertimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : "*Sesiapa yang pergi ke masjid dan balik (dari masjid), Allah sediakan baginya hidangan dari syurga setiap kali dia pergi dan balik.*"

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud : "*Daripada Ubai bin Ka'ab katanya : Pada suatu hari Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersembahyang Subuh bersama-sama kita, lalu sabdanya : Adakah si pulan hadir? Para sahabat menjawab tidak. Tanya Baginda lagi, Adakah si pulan hadir? Para sahabat menjawab tidak. Sabda Baginda : Bahawasanya dua sembahyang ini adalah sembahyang yang paling berat ke atas orang Munafikin. Jikalau kamu mengetahui apa yang ada pada kedua-duaya nescaya kamu akan datang menunaikan kedua-duanya walau dengan mengengsot. Bahawasanya saf yang pertama adalahmenyerupai saf malaikat, dan jikalau kamu mengetahui apa kelebihannya nescaya kamu bersegera kepadanya. Dan bahawasanya sembahyang seorang bersama dengan seorang lain lebih baik dari sembahyangnya seorang diri, dan bersembahyang bersama dengan dua orang lain lebih baik dari bersembahyang dengan seorang lelaki, dan yang banyak maka lebih disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.*"

### Penutup

Sembahyang berjemaah adalah sebagai asas pembentukan peribadi ummah. Justeru itu, tidak ada alasan bagi umat Islam memandang sepi dan remeh terhadap ibadah sembahyang berjemaah kerana ia merupakan asas bagi membentuk akhlak yang mulia, memperbaiki gejala sosial dalam masyarakat yang semakin berleluasa.

Sesungguhnya peristiwa Israk dan Mikraj adalah cermin perlakuan manusia. Disampaikan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada umatnya demi untuk meningkatkan keimanan, menegapkan pegangan dan mengutuhkan perpaduan serta peringatan dan menggamit keinsafan terhadap umat manusia supaya menjauhkan diri daripada melakukan perkara terlarang yang mendatangkan kerosakan dan memusnahkan kesejahteraan.

Peristiwa Israk dan Mikraj juga sebagai pembuktian kekuasaan dan kebesaran Allah dan pengakuan kekuatan iman dan takwa kerana hanya orang yang teguh imannya dan kukuh pegangan akidahnya yang membenarkan kesahihan peristiwa ghaib dan ajaib ini tanpa keraguan dan persoalan.

# SM Sultan Hassan juara bola sepak Kluster 1





TIMBALAN Pengetua Akademik Sekolah Menengah Katok, Dayang Norahtina Seriyati binti Haji Omar menyampaikan piala kejohanan kepada Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar Temburong sementara gambar kanan, Dayang Norahtina Seriyati menyampaikan hadiah Pemain Terbaik kepada Awang Daniel Ngo.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 9 April. - Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH) Bangar Temburong muncul juara Kejohanan Bola Sepak Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Kluster 1 Tahun 2018 bagi Kategori B setelah menewaskan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien (SOAS) pada perlawanan yang berlangsung di Padang Sekolah Menengah Masin, di sini.

Pada perlawanan akhir tersebut, Maktab SOAS yang berjersi kuning mendahului jaringan pada minit ke-13 melalui Md. Mq'aiman Haji Zuraimi namun SMSH Bangar Temburong menyamakan kedudukan setelah berjaya menyumbatkan gol pada minit ke-19 melalui Mohd. Azahari Danial Haji Mohd. Yusra.

Pada babak kedua perlawanan pula, kedua-dua pasukan cuba menggandakan jaringan namun gagal menjaringkan sebarang gol setelah masa penuh dan kedudukan kekal seri satu sama sehingga waktu tambahan.

SMSH Bangar Temburong berjersi biru diumumkan sebagai johan setelah berjaya menyumbatkan tiga gol pada penentuan sepakan penalti manakala Maktab SOAS hanya berjaya menjaringkan dua gol sekaligus muncul naib johan.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah kepada juara dan naib juara ialah Timbalan Pengetua Akademik Sekolah Menengah Katok, Dayang Norahtina Seriyati binti Haji Omar.

Pada kejohanan akhir tersebut, pemain terbaik dimenangi oleh Daniel Ngo dari SMSH Bangar Temburong.

Menduduki tempat ketiga ialah pasukan Sekolah Menengah Katok setelah menewaskan Sekolah Menengah Menglait pada perlawanan yang telah diadakan pada 7 April lalu.

Kejohanan tersebut dianjurkan oleh Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan melalui Unit Jasmani dan dikelolakan oleh Sekolah Menengah Katok.

## Sai Bisai Sha juara bola sepak PB Sports Fiesta 2018

**Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei**



SEBAHAGIAN aksi pada Pertandingan Bola Sepak sempena 'Politeknik Brunei Sports Fiesta 2018' antara Pasukan Sai Bisai Sha dari Sekolah Perdagangan Politeknik Brunei (School of Business) dan SSE 'B' dari Sekolah Sains dan Kejuruteraan (School of Science and Engineering).

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 April. - Pasukan Sai Bisai Sha dari Sekolah Perdagangan Politeknik Brunei (School of Business) menjuarai Pertandingan Bola Sepak sempena 'Politeknik Brunei Sports Fiesta 2018' selepas menewaskan pasukan SSE 'B' dari Sekolah Sains dan Kejuruteraan (School of Science and Engineering).

Pertandingan anjuran Majlis Perwakilan Pelajar Politeknik Brunei (MP3B) berlangsung di Padang Bola Sekolah Menengah Berakas pada 8 April lalu.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Ketua Pusat Perkembangan dan Innovasi Pelajar (Centre for Student Development and Innovation), Awang Haji Ehwan bin Juned selaku tetamu kehormat majlis.

Berada di tempat ketiga ialah Pasukan Sekolah Informasi dan Teknologi Maklumat (School of ICT).

Pasukan-pasukan yang menyertai pertandingan tersebut terdiri dari pasukan-pasukan dari 4 buah Sekolah di bawah Politeknik Brunei. Hari kemuncak bagi 'PB Sports Fiesta 2018' akan diadakan pada 19 April ini.

## Sekolah Menengah Menglait rebut tempat ketiga Kategori 'C'

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**

**MASIN,** Selasa, 10 April. - Sekolah Menengah Menglait berjaya merebut tempat ketiga bagi Kategori 'C' pada Kejohanan Bola Sepak Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-Maktab Kluster 1 Tahun 2018 setelah menewaskan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah, 4-1 pada perlawanan yang diadakan di Padang Sekolah Menengah Masin.

Pemain jersi 9 Sekolah Menegah Menglait, Mohammad Hairul Hakimin bin Razali menghadiahkan tiga gol (hatrik) bagi pasukannya manakala gol keempat dijaringkan oleh Abd Azim bin Mohd.

Gol tunggal pasukan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah pula dijaringkan oleh Muhammad Syamim Badri bin Muhammad Hasrin pada minit ke-20 separuh masa pertama.

Hadir menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Timbalan Pengetua Pentadbiran Sekolah Menengah Katok, Hajah Siti binti Haji Pungut.

Perlawanan akhir kejohanan ini bagi Kategori 'C' akan berlangsung esok 11 April, antara Sekolah Menengah Katok dan Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin, di tempat yang sama.

Kejohanan merupakan salah satu kegiatan projek tahunan bagi Jabatan Pendidikan Kokurikulum melalui Unit Jasmani dengan objektif utama penganjurannya adalah bagi memberikan galakan dan dorongan kepada atlet remaja di sekolah-sekolah dan maktab-maktab, supaya bergiat aktif dalam kegiatan sukan serta melahirkan masyarakat yang sihat dan cergas dari segi fizikal dan mental.

## Penyertaan Kejohanan Futsal Mini HBT 2018 dibukakan

**Siaran Akhbar : Puspa United Academy**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 10 April. - Puspa United Academy dan Akademi Syahkampong akan menganjurkan Festival Kejohanan Futsal Mini HBT 2018 bagi bawah 10, 13 dan 17 Tahun pada hari Sabtu, 14 April ini, bertempat di Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam.

Penyertaan adalah terhad kepada 8 pemain sahaja bagi setiap pasukan dan pendaftaran bagi bawah 10 Tahun ialah BND25 manakala bawah 13 Tahun ialah BND30 dan bagi bawah 17 Tahun BND40.

Format kejohanan ialah melalui Group Stage (League) dan '10 minute' (straight) dan peserta hendaklah memilih nama-nama Pasukan HBT 2018, iaitu dalam Kumpulan 'A', Timor Leste, Myanmar, Tabuan 'A' dan Thailand sementara Kumpulan 'B', Lao PDR, Singapura, Cambodia dan Tabuan 'B'.

Bagi mereka yang berminat dan sebarang pertanyaan serta maklumat lanjut bolehlah menghubungi jurulatih Asrul di talian 7115530 atau jurulatih Hakeem 8688810.

Pelita Brunei

# Sukan

**INFO SUKAN**

GALERI Sukan Negara Brunei Darussalam yang terletak di Stadium Negara Hassanal Bolkiah dibuka rasmi pada 7 April 2014 ditubuhkan sebagai penghargaan serta pengiktirafan kepada tokoh-tokoh dan ahli-ahli sukan yang telah mengharumkan negara pada kejohanan sukan serantau dan antarabangsa, di samping memfokuskan pada penyertaan juga perkembangan sukan di negara ini.

ePaper Pelita Brunei

# Peserta negara raih tempat ketiga




**Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Ihsan Brunei Enduro Racing Team**

**KATHMANDU, NEPAL**, Isnin, 9 April. - Amirnorshah bin Haji Md. Jamin yang mewakili Brunei Enduro Racing Team menduduki tempat ketiga bagi Kategori Master 'B' di Asian Enduro Series (AES) Nepal 2018.

Perlumbaan yang diadakan selama tiga hari bermula pada 5 hingga 7 April lalu berlangsung di Nagarkot.

Perjalanan melalui Enduro 8 Special Stages disertai oleh seramai 81 penunggang basikal gunung termasuk 42 peserta dari Nepal dan selebihnya dari 17 buah negara termasuk Brunei Darussalam.

AMIRNORSHAH bin Haji Md. Jamin yang mewakili Brunei Enduro Racing Team menduduki tempat ketiga bagi Kategori Master 'B' di Asian Enduro Series (AES) Nepal 2018.

Tempat pertama dimenangi oleh peserta dari Singapura, diikuti dengan peserta dari Hong Kong di tempat kedua dan Brunei di tempat ketiga.

Dua hari sebelum pertandingan, para peserta dimestikan untuk mengikuti latihan yang dijalankan sebelum menyertai perlawanan pada hari sebenar.

Perlumbaan bermula dari titik Nagarkot View Tower, di mana mereka perlu melengkapkan empat peringkat semua menuruni bukit, pada hari pertama, peringkat pertama (1.65 km), kedua (925 m), ketiga (1.33 km) dan keempat (2.4 km).

Pada hari kedua, pelumba telah melengkapkan tiga peringkat sukar - kelima peringkat (1km), keenam (2.7 km) dan akhir (2.05 km).

# Budak Bolkiah FC juara Piala SU Kampung Bolkiah

**Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Ugama Kampung Bolkiah**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 9 April. - Pasukan Budak Bolkiah FC muncul juara dalam Perlawanan Bola Sepak Piala Sekolah Ugama Kampung Bolkiah selepas mengalahkan empat buah pasukan lain.

Tempat kedua pasukan Tabuan Muda FC, pasukan Evo's FC di tempat ketiga, manakala pasukan MC:M7 berada di tempat keempat dan pasukan Blue Tiger di tem pat kelima pada Perlawanan Bola Sepak Piala Sekolah Ugama Kampung Bolkiah 2018 tersebut.

Md. Shahremi bin Sukaimi (pasukan Budak Bolkiah FC) menjadi penjaring gol terbanyak dengan tujuh gol pada perlawanan tersebut, manakala penjaga gol terbaik menjadi milik Md. Sirhan bin Md. Dasuki yang hanya bolos dengan satu gol (pasukan Budak Bolkiah FC) dan pasukan terbaik pula disandang oleh Tabuan Muda FC.

Hadir menyaksikan perlawanan dan menyampaikan hadiah ialah Guru Besar Sekolah Ugama Kampung Bolkiah, Awang Rozni bin Haji Mat Zahari.

Perlawanan diadakan pada 8 April lalu di kawasan Padang Kampung Bolkiah yang dikendalikan oleh Sekolah Ugama Kampung Bolkiah, Kawasan Brunei IV.

Ia adalah antara 'outreach program' yang dirancang dalam Program Tahunan Sekolah.

Seramai 35 murid lelaki mengikuti perlawanan yang dibahagikan pada lima kumpulan. Acara dimulakan dengan tazkirah pagi, disampaikan oleh Awang Haji Rosmadi bin Haji Hidup pada jam 7.00 pagi dan diikuti dengan perlawanan yang dijalankan secara pusing keliling.

Objektif perlawanan berkenaan bagi membantu serta mendorong pelajar-pelajar aktif dan boleh mengimbangi dalam aktiviti ko-kurikulum, di samping mengeratkan silaturahim warga sekolah bersama ibu bapa serta penjaga, memberi peluang berinteraksi dan memenuhi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah serta memupuk semangat kesukanan, kerjasama tinggi serta bertanggungjawab dan berkemampuan untuk mengharumkan nama sekolah juga negara pada masa akan datang.



ANTARA pasukan yang menyertai pertandingan tersebut.

Perlawanan bola sepak berkenaan ditutup dengan tazkirah yang disampaikan oleh Pengiran Noor Aliman bin Pengiran Haji Metassan.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

**BERSIHKAN JIWA, SENTIASA REDA DENGAN KETENTUAN ALLAH**

دتربيتکن اوليه جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه جابتن ڤرچيتقن کراجاٴن، نݢارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.